



**pd**  
2021 - 2025

# PELAN DIGITAL PAHANG

2021- 2025





Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri  
Wisma Sri Pahang,  
Jalan Gambut, 25503,  
Kuantan, Pahang.

Tel: 09-512 6600  
Faks: 09-515 6106

Pelan Digital Pahang disediakan oleh Pahang Skills Development Centre dan Pahang Go.



Naskah ini boleh didapati di laman web :- [www.pahangdigital.com.my](http://www.pahangdigital.com.my)

## **ISI KANDUNGAN**

BUTIRAN LOGO PELAN DIGITAL PAHANG	2
SEKAPUR SIREH MENTERI BESAR PAHANG	3
KATA ALU-ALUAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG	4
PERUTUSAN PENGERUSI JAWATANKUASA SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI PAHANG	5
<b>BAB 1 LANDSKAP EKONOMI DIGITAL</b>	
LATAR BELAKANG EKONOMI DIGITAL	7
MALAYSIA MODEN : TRANSFORMASI INISIATIF DIGITAL YANG PROGRESIF	7
PELAKSANAAN INISIATIF DIGITAL YANG MEMANGKIN PENDIGITALAN EKONOMI NEGERI PAHANG	8
<b>BAB 2 MANIFESTASI PELAN DIGITAL PAHANG</b>	
PELAN DIGITAL PAHANG : MATLAMAT DAN RESOLUSI AKHIR	13
RASIONALISASI PELAN DIGITAL PAHANG	13
PROSES PEMBENTUKAN PELAN DIGITAL PAHANG	15
PENELITIAN TERHADAP PELAN DAN RANGKA SEDIA ADA	16
PENYELIDIKAN DAN PENGKAJIAN TEKNOLOGI DIGITAL	19
ASPIRASI PINTAR : PELAN DIGITAL PAHANG 2021-2025	20
STRUKTUR PELAN DIGITAL PAHANG 2021-2025	21
FASA PELAN DIGITAL	22
<b>BAB 3 - TERAS PERTAMA - INFRASTRUKTUR DIGITAL</b>	
LONGJAKAN KEMAJUAN INFRASTRUKTUR DIGITAL DALAM MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MEMPERLUAS JARINGAN KOMUNIKASI	25
MEMPERKASA KOMUNIKASI STRATEGIK DAN MEMPERKAYA KESALINGHUBUNGAN DIGITAL	26
MENTRANSFORMASI INFRASTRUKTUR DIGITAL KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAH	30
MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN MELONJAKKAN POTENSI INFRASTRUKTUR DATA	32
<b>BAB 4 - TERAS KEDUA - KERAJAAN DIGITAL</b>	
POTENSI KERAJAAN DIGITAL DALAM TRANSFORMASI PENTADBIRAN	35
PENGOPTIMUMAN HASIL KERAJAAN	38

PEMERKASAAN TADBIR URUS & KOMPENTENSI	42
PENGUKUHAN KUALITI PERKHIDMATAN KERAJAAN	50
PEMANFAATAN PERKONGSIAN DATA	54
<b>BAB 5 - TERAS KETIGA - INKLUSIF DIGITAL</b>	
PENDEFINISIAN INKLUSIF DIGITAL ERA MODEN	59
TERAS INKLUSIF DIGITAL	59
KESEDARAN DIGITAL MEMUDAHKAN PENERIMAGUNAAN & AKSES TEKNOLOGI	62
MENINGKATKAN PENYERTAAN RAKYAT DALAM AKTIVITI DIGITAL	66
MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BUDAYA DIGITAL	69
<b>BAB 6 - TERAS KEEMPAT - INDUSTRI DIGITAL</b>	
INDUSTRI DIGITAL : KE ARAH PENYEMPURNAAN ASPIRASI PENDIGITALAN	73
PELANCONGAN DAN REKREASI	74
PEMBINAAN & HARTANAH	76
PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN	78
PERTANIAN DAN PENTERNAKAN	80
PERKILANGAN	82
PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN	84
<b>BAB 7 PEMANTAUAN DAN KAWAL SELIA</b>	
PEMANTAUAN PELAN DIGITAL PAHANG	89
INFRASTRUKTUR DIGITAL	89
KERAJAAN DIGITAL	91
INKLUSIF DIGITAL	96
STRUKTUR TADBIR URUS	98
<b>PENUTUP</b>	
PELAN DIGITAL PAHANG 2021-2025	101
MASYARAKAT DIGITAL PEMANGKIN KEMAJUAN NEGARA	102
HARAPAN PELAN DIGITAL PAHANG	103

## BUTIRAN LOGO PELAN DIGITAL PAHANG



Pelan Digital Pahang

Saling berhubung dan berkait menggambarkan kerjasama semua pihak dalam menjayakan inisiatif.

Unsur aliran dan pergerakan membawa maksud fungsi pelan sebagai panduan untuk perjalanan pendigitalan Negeri Pahang.

Rekabentuk yang fleksibel memaparkan pelan yang dirangka mengikut peredaran masa dan teknologi terkini.

Simbol infiniti di tengah membawa simbolik kepada potensi daripada pendigitalan yang sangat besar dan tiada penghujungnya.

Warna biru mempunyai jarak gelombang yang terkecil (kira-kira 420 hingga 470 nanometer), yang membawa maksud pelan digital ini dirangka secara terperinci dan mengambil kira semua aspek.

## **SEKAPUR SIREH**

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, maka Pelan Digital Pahang 2021-2025 dapat direalisasikan.

Pelan Digital Pahang 2021-2025 merupakan pelan induk yang menyelaras segala inisiatif digital di negeri Pahang dan menetapkan dengan jelas sasaran untuk dicapai dalam tempoh 5 tahun.

Melalui penggubalan Pelan ini, strategi pelaksanaan ekonomi digital dapat diperincikan dengan lebih sistematik, pengurusan sumber dapat dioptimakan dan pencapaian sasaran dapat dipantau dengan lebih berkesan.

Selain itu, tiga bidang keberhasilan utama telah ditetapkan di dalam pelan ini iaitu mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dan berintegrasi di antara kerajaan, rakyat dan swasta; membudayakan gaya hidup digital di kalangan rakyat; dan meningkatkan imej negeri Pahang sebagai sebuah negeri yang berdaya maju dan digital-ready bagi menarik pelabur luar.

Sesungguhnya, penghasilan Pelan ini adalah seajar dengan aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan.

Saya berharap Pelan Digital Pahang dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai dokumen rujukan utama dalam pelaksanaan hala tuju, prinsip dan strategi digitalisasi pelbagai sektor di negeri ini.

Selamat Maju Jaya.

**YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail**

Menteri Besar Pahang



## KATA ALU-ALUAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

**Assalamualaikum w.b.t.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas penghasilan Pelan Digital Pahang 2021 – 2025. Pelan Digital ini dirangka bagi menyediakan perancangan komprehensif dan inklusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi digital pelbagai sektor di Negeri Pahang.

Pelan Digital Pahang menggariskan 4 teras utama iaitu Infrastruktur Digital, Kerajaan Digital, Insklusif Digital dan Industri Digital. Keempat-empat teras ini adalah komponen penting sebagai panduan penghasilan strategi dan program pembudayaan digital di setiap peringkat. Secara keseluruhan sebanyak 10 strategi dan inisiatif telah dihasilkan bagi menyokong pencapaian pelan ini.

Pencapaian semua strategi akan dipantau bagi memastikan keberkesanan perancangan dan mempercepatkan proses penambahbaikan di mana perlu.

Saya yakin penjawat awam selaku nadi pentadbiran jentera pentadbiran Kerajaan Negeri akan menjadikan pelan ini sebagai dokumen rujukan untuk diaplikasi bagi merealisasikan perancangan dan strategi yang telah digariskan dan bagi mencapai objektif menjadikan Pahang sebagai negeri berbudaya digital sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Akhir kata saya berharap penjawat awam di Negeri Pahang dapat melengkapkan pengetahuan mengenai ekonomi dan teknologi digital bagi melaksanakan setiap perancangan dan inisiatif di dalam pelan digital ini. Sebarang maklum balas cadangan bagi menambahbaik pelan ini amat dialualukan.

Sekian, terima kasih.

**YBH Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak**

Setiausaha Kerajaan Pahang



## **PERUTUSAN PENGERUSI JAWATANKUASA SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI PAHANG**

**Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi kesyukuran di atas kejayaan penerbitan Pelan Digital Pahang 2021-2025. Tahniah dan syabas kepada Pahang Go, Pahang Skills dan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan Pelan Digital ini. Suka saya memaklumkan di dalam penyediaan pelan ini, Kerajaan Negeri telah mengambil kira semua pandangan, cadangan, idea dan buah fikiran rakyat yang diterima melalui laman web [pelandigital.pahanggo.com](http://pelandigital.pahanggo.com) dan juga melalui sesi libat urus serta sesi sumbang saran yang telah diatur bagi memastikan pelan ini dapat disediakan dengan terbaik.

Aplikasi teknologi digital dalam aktiviti harian rakyat seperti di dalam sektor perniagaan, pendidikan dan penyelidikan menjadikan pelan ini amat relevan sebagai pemangkin dalam menjadikan Pahang sebagai antara peneraju ekonomi digital di Malaysia. Melalui penggubalan pelan ini, saya berharap perancangan kerja akan lebih fokus dan terancang serta dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Antara inisiatif Kerajaan Pahang dalam menyokong pencapaian sasaran pelan ini adalah melalui peningkatan dan penambahbaikan infrastruktur jalur lebar internet. Pahang dijangka akan menerima liputan jalur lebar terbaik menjelang akhir tahun 2022 selepas usaha menaik taraf 1,322 menara pencawang terlibat siap dilakukan. Kadar capaian internet 4G seluruh Negeri Pahang juga dijangka meningkat kepada 96% di akhir tahun 2022.


Akhir kata, adalah diharapkan penghasilan pelan ini akan menjadi pemangkin kepada kepesatan transformasi pendigitalan dan menjadikan penggunaan teknologi digital sebagai satu budaya dalam kalangan rakyat Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

**YB. Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff**

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang





# LANDSKAP EKONOMI DIGITAL

# BAB 1

## LANDSKAP EKONOMI DIGITAL

### LATAR BELAKANG EKONOMI DIGITAL

Ekonomi digital ditakrifkan sebagai: Aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan.” (Blueprint Digital Malaysia).

Pelbagai transaksi perdagangan mula dijalankan menggunakan teknologi digital termasuklah aktiviti penyampaian maklumat, promosi dan pengiklanan, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barang serta perkhidmatan.

Menurut Thomas Mesenbourg (2001),<sup>[1]</sup> terdapat tiga komponen utama yang menjadi dasar kepada konsep ekonomi digital ini, antaranya adalah:

- Infrastruktur e-perniagaan (perkakasan, perisian, rangkaian dan sebagainya),
- e-perniagaan (e-business, bagaimanakah perniagaan tersebut dijalankan atau sebarang proses perniagaan yang dilakukan melalui rangkaian berbantuan komputer),
- e-dagangan (e-commerce, peralihan atau pengangkutan bahan dalam proses jual beli).

### MALAYSIA MODEN : TRANSFORMASI INISIATIF DIGITAL YANG PROGRESIF

Malaysia telah mengorak langkah ke arah mendigitalkan pentadbiran semenjak tahun 1996 menerusi pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC). Rentetan itu, pelbagai dasar dan strategi untuk memacu transformasi teknologi digital di Malaysia telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Antara pelaksanaan inisiatif tersebut adalah :-

- Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (2010);
- Digital Malaysia (2011);
- Inisiatif untuk Analitis Data Raya: Data Raya Sektor

Awam (2013);

- Pelan Hala Tuju Strategik *Internet of Things* (IoT) Kebangsaan (2015-2025);
- Zon Perdagangan Bebas Digital (2017); dan
- Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) (2019 - 2023)

Inisiatif terbaru kerajaan adalah untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur ekonomi digital di bawah penubuhan Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi).

PEDi merupakan institusi yang berperanan untuk memacu agenda negara dan mendukung usaha pendigitalan kerajaan di samping mewujudkan persediaan mapan dalam menampilkkan Malaysia sebagai hab ekonomi digital serantau.

Idea ini bakal merealisasikan hasrat terbesar negara dalam agenda ekonomi digital iaitu meminimumkan jurang digital dalam negara sekaligus mempertingkatkan kualiti ekuiti akses serta mencetuskan inovasi digital di alaf baru. PEDi yang turut digazetkan dalam Belanjawan 2022 bakal memanfaatkan 15.4 juta penduduk Malaysia khususnya golongan B40 dan komuniti luar bandar.

Sebanyak 873 PEDi sedia ada akan ditambah baik dan ditingkatkan mutu perkhidmatan sebagai pusat sehenti bagi kegiatan ekonomi digital luar bandar. Setiap satunya dilengkapi akses perkhidmatan jalur lebar, kemudahan infrastruktur digital serta kapasiti kakitangan terlatih yang mencukupi dalam menyediakan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh komuniti setempat.

Sehingga akhir tahun 2021, terdapat hampir 1.2 juta perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia iaitu 97.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perusahaan. Namun, sebahagian besarnya masih kurang berdaya saing dan terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Keadaan ini mestи ditangani dengan bijaksana dan berstrategi lantas menghidupkan kembali perusahaan yang merudum.

Berikutan penularan wabak Covid-19, adaptasi pendigitalan dalam urusan seharian menjadi lebih kritikal. Perkara ini telah mendorong kerajaan untuk melaksanakan inisiatif tambahan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) seperti :-

- Dana Kandungan Digital sebanyak RM 35 juta telah diperuntukkan bagi projek animasi dan visual;
- Geran dan pinjaman sebanyak RM 700 juta kepada firma yang layak untuk hal ehwal penerima gunaan dan langganan pendigitalan;
- Pemberian baucar diskau digital yang boleh diguna pakai ketika membeli produk-produk peruncit tempatan sekaligus menggalakkan pembelian atas talian;
- Geran padanan untuk platform ekonomi gig yang menyumbang kepada perlindungan sosial pekerja gig;

Tuntasnya, semua pihak perlu menggembung tenaga dan usaha dalam merealisasikan dasar-dasar digital seterusnya mewujudkan "Malaysia Digital" yang bersepada. Malaysia sedang berada di landasan yang tepat dan pastinya

berupaya menjadi peneraju serantau dalam bidang ekonomi digital sekiranya strategi-strategi digital dapat dilaksanakan dan diimplementasikan dengan tepat.

## **PELAKSANAAN INISIATIF DIGITAL YANG MEMANGKIN PENDIGITALAN EKONOMI NEGERI PAHANG**

Seiring dengan aspirasi ekonomi digital Malaysia, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dan progresif bagi memastikan rakyat Negeri Pahang tidak ketinggalan dalam gelombang pendigitalan ini. Inisiatif seperti membina infrastruktur, menggalakkan inovasi dan mewujudkan ekosistem yang kondusif kepada kumpulan sasar menjadi pemangkin kepada hasrat transformasi ini.

## **PAHANG GO**

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri secara rasminya telah melantik Syarikat Pahang Go Sdn Bhd. sebagai Agensi Pelaksana Ekonomi Digital Negeri Pahang yang akan melaksanakan beberapa peranan bagi melancarkan dan merancakkan lagi proses pendigitalan di dalam Negeri Pahang.

Pahang Go menjadi agensi yang bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Digital Pahang dengan merangka beberapa strategi yang berkesan untuk dilaksanakan di dalam Negeri Pahang. Antara tugas Pahang Go dalam mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran adalah seperti berikut :

1. Mengendalikan kutipan hasil negeri, caj perkhidmatan, serta kutipan hasil agensi kerajaan termasuklah s-GLC, dan pelbagai jenis pembayaran seperti parkir, lesen-lesen PBT, bil utiliti, sewaan premis, pinjaman pendidikan dan lain-lain;
2. Menguruskan inisiatif pendigitalan pengurusan perkhidmatan PBT, agensi kerajaan, dan s-GLC;
3. Membangunkan Pahang Digital Hub, iaitu pusat yang menyediakan pasaran atas talian (*marketplace*) untuk produk tempatan seperti, kraf kain tenun Pahang, makanan tradisi, perladangan dan lain-lain produk yang dihasilkan oleh rakyat Negeri Pahang;
4. Menyelaraskan pembangunan Bandar Raya Pintar (Smart City) selain menguruskan pembangunan media digital seperti, *smart billboard*, pengiklanan atas talian dan lain-lain;
5. Membangunkan, menyediakan, menyelenggarakan pusat data dan Pusat Pemulihan Bencana bagi Negeri Pahang, menyediakan perkhidmatan capaian internet, perkhidmatan perkongsian data (*cloud computing*) serta menyediakan kandungan digital Negeri Pahang;

## CAPAIAN ISI RUMAH TERHADAP PERKHIDMATAN DAN PERALATAN ICT

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2020, capaian isi rumah terhadap perkhidmatan dan peralatan ICT di Negeri Pahang menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bagi tahun 2018-2020.

INDIKATOR	2018	2019	2020
<b>Peratusan Capaian ICT oleh isi rumah</b>			
Internet	81.2	85.2	86.8
Komputer	58.3	59.7	71.2
Telefon bimbit	95.5	97.9	98.0
Siaran TV berbayar	76.5	76.7	79.6
Televisyen	97.5	97.8	98.1
Radio	93.7	97.1	97.8
Telefon talian tetap	16.3	17.3	15.1
<b>Peratusan Penggunaan Peralatan dan Perkhidmatan ICT oleh Individu</b>			
Telefon bimbit	97.3	98.5	98.5
Komputer	66.2	96.7	79.2
Internet	79.1	81.8	88.8

Sumber : Poket Stats Negeri Pahang ST12021, Jabatan Perangkaan Malaysia

## BAJET 2022

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih daripada RM 7 juta untuk menggalakkan pembangunan digital di seluruh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pahang termasuklah institusi-institusi seperti sekolah serta menambah baik keperluan asas rakyat menerusi pendigitalan sejagat. Strategi-strategi pentadbiran dengan pengimplementasian digital merupakan suatu batu loncatan dalam menjayakan transformasi ini.

Peningkatan infrastruktur teknologi maklumat telah dicerakinkan kepada beberapa bahagian utama dan setiap bahagian bakal menerima peruntukan kewangan masing-masing. Antaranya ialah Bahagian Langganan Perkhidmatan Jalur Lebar Satelit (VSAT) dengan dana sebesar RM 3 juta seterusnya Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat dengan bajet sebanyak RM 2.7 juta. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memberi fokus kepada pembangunan literasi ICT warga Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang (SMAN Pahang) dengan pelaburan kos berjumlah RM 400,000.

Selain itu, Pelan Digital Negeri Pahang 2021-2025 melalui Strategi Kedua bakal meluluskan belanjawan yang amat besar bagi melengkapkan kemudahan asas rakyat seperti menaik taraf rangkaian jalur lebar tetap kepada gentian optik, melaksanakan infrastruktur akses terbuka bagi capaian internet jalur lebar serta pembangunan projek rintis rangkaian 5G di kawasan bandar Kuantan, Indera Mahkota dan KotaSAS.

## JENDELA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pula telah memperuntukkan RM 1.396 bilion menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Negeri Pahang untuk meningkatkan liputan talian telekomunikasi di seluruh negeri dalam tempoh dua tahun.

SKMM telah meletakkan sasaran kadar penembusan jalur lebar di kawasan berpenduduk adalah sebanyak 96.9%. Selain itu, melalui inisiatif JENDELA di Negeri Pahang, SKMM akan memantapkan fungsi Pusat Internet Komuniti agar rakyat berpeluang menikmati perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti. SKMM juga telah membuat perancangan untuk menaik taraf 1,322 menara sedia ada di kawasan bandar, pinggir bandar dan pedalaman kepada rangkaian 4G dan memperluaskan rangkaian gentian optik kepada 116,773 premis.

Kerajaan Negeri Pahang amat serius dalam mempertingkatkan pencapaian internet di seluruh negeri termasuk di kawasan perkampungan Orang Asli yang kebiasaannya terletak jauh di pedalaman atau jauh dari bandar-bandar besar. Perkara ini adalah signifikan dalam menjayakan visi infrastruktur digital yang berkait rapat dengan kualiti teknologi dan komunikasi.

Matlamat pembangunan ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan internet yang baik kepada masyarakat Orang Asli sehingga mereka juga mampu menikmati rangkaian internet dengan kadar Mbps yang laju serta mendedahkan mereka kepada gelombang modenisasi global.

Sebanyak 116 buah kampung Orang Asli telah diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Pahang dan SKMM melalui projek-projek yang telah dibentangkan di bawah Program JENDELA Fasa Satu (2020 hingga 2022). Usaha juga sedang giat dijalankan ke atas 145 buah kampung Orang Asli yang lain dalam hasrat mengembangkan capaian internet yang lebih stabil dan berkualiti.

Menjelang Januari 2022, sebanyak 69 kampung Orang Asli di seantero Pahang dijangka memperoleh kemudahan perkhidmatan internet. Projek yang dikenali sebagai akses tanpa wayar jalur lebar (BWA) akan bermula di kampung Orang Asli Terakit dan Rening di Hulu Telom, Cameron Highlands.

Memandangkan kawasan penempatan Orang Asli yang disasarkan terletak jauh di pedalaman, penggunaan teknologi satelit (VSAT) akan diaplikasikan dalam pelaksanaan menyeluruh agar projek yang diwartakan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat. Hal ini seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjana pertumbuhan teknologi yang pesat menerusi pengimplementasian infrastruktur digital yang berkualiti tinggi.

## RUMUSAN

Dalam menyambut aspirasi negara, inisiatif Pelan Digital Pahang menjadi penanda aras Kerajaan Negeri bagi merealisasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Penghasilan Pelan Digital Pahang adalah signifikan sebagai:

1. Penetapan hala tuju, strategi dan inisiatif bagi mendigitalkan sektor awam, swasta dan ekonomi Negeri Pahang;

2. Panduan dan prinsip untuk melaksanakan inisiatif digitalisasi oleh Agensi Kerajaan, GLC dan pihak swasta agar pelaksanaan dapat dilakukan lebih sistematis dan efisien;
3. Perkongsian kepakaran, kewangan dan modal insan antara agensi dan GLC Pahang bagi mewujudkan persekitaran yang simbiosis.



" Kerajaan berusaha memastikan agar semua rakyat dapat menikmati akses perkhidmatan komunikasi dengan baik dan stabil "

**YB. Dato Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff  
Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau,  
Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang**



# MANIFESTASI PELAN DIGITAL PAHANG

# BAB 2

## MANIFESTASI PELAN DIGITAL PAHANG

---

Sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang sedang rancak berintegrasi dengan globalisasi, Kerajaan Negeri Pahang juga tidak ketinggalan dalam membangunkan negeri ini dengan lebih komprehensif dan berdaya saing menerusi penerapan elemen digital.

Pelan Digital Pahang merupakan sebuah pelan tindakan yang menzahirkan inisiatif dan strategi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pahang sebagai sebuah negeri digital. Wawasan ini bakal memanfaatkan seluruh Negeri Pahang apabila Kerajaan Negeri bertindak merekayasa Pelan Digital Pahang untuk memacu pertumbuhan Negeri Pahang terutamanya dari segi makro ekonomi yang mampu memberi impak positif dalam unjuran pendapatan dan pelaburan melalui dasar digital baharu yang lebih mapan.

### **PELAN DIGITAL PAHANG : MATLAMAT DAN RESOLUSI AKHIR**

- Menjadikan Pelan Digital Pahang sebagai dasar yang meneraju sektor ekonomi digital di peringkat Negeri Pahang;
- Mewujudkan sebuah negeri digital yang membangun dan berpendapatan tinggi sekaligus menjadi peneraju ekonomi digital di Pantai Timur;
- Memperluas kualiti digital sesuai peredaran zaman serta mempertingkatkan taraf hidup rakyat menerusi penguasaan teknologi;
- Melakukan anjakan paradigma dengan memperbaharui senario sosioekonomi masyarakat melalui pembangunan teknologi digital secara tersusun dan strategik.

### **RASIONALISASI PELAN DIGITAL PAHANG**

Konsep pendigitalan sudah menjadi pemudah cara kepada situasi urus tadbir malah telah menjadi sebahagian daripada tunjang ekonomi negara-negara maju. Maka, Pelan Digital Pahang merupakan suatu dasar yang amat relevan dan signifikan untuk diberi perhatian apabila Kerajaan Persekutuan juga turut mewartakan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi mengembangkan lagi ekonomi digital di negara ini.

Kewujudan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 2017-2020 (PSPSP) turut membuktikan kebersamaan pelan-pelan ini dalam melaksanakan misi, visi serta matlamat yang sama. Malaysia yang merupakan sebuah negara membangun seharusnya memantapkan lagi sektor pendigitalan dan perkara ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab persekutuan malah pentadbiran negeri juga harus mendokong aspirasi negara ini.

Krisis pandemik Covid-19 telah menjadi batu loncatan dalam menzahirkan keperluan teknologi digital kepada segenap lapisan masyarakat. Masalah-masalah utama yang berbangkit seperti jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar juga harus diselesaikan terlebih dahulu sekiranya negeri atau negara ini ingin menuju ke arah era kemajuan digital yang inklusif. Pelan Digital Pahang dirangka bagi memastikan transformasi digital bertambah baik dan dapat diselenggara dengan metodologi terbaik serta cara kerja yang tersusun.

Pelan Digital Pahang akan memberi manfaat kepada rakyat Negeri Pahang dalam pelbagai aspek, antaranya ialah:

- Meningkatkan kadar literasi digital untuk memastikan masyarakat bergerak seiring dengan perkembangan teknologi;
- Memperluaskan karier dan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk memenuhi keperluan tenaga profesional yang semakin meningkat dalam industri pendigitalan;
- Membantu sektor perniagaan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik;
- Memperkemaskan perkhidmatan kerajaan untuk memudahkan urusan yang ditawarkan;
- Mengintegrasikan sektor ekonomi untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang.

Melalui transformasi digital yang dilaksanakan, Negeri Pahang akan mencapai sasaran berikut menjelang tahun 2025:

<b>RAKYAT</b>	<b>PERNIAGAAN</b>	<b>KERAJAAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti Orang Asli di beberapa buah perkampungan menikmati kemudahan akses jalur lebar sebelum suku kedua 2022.</li> <li>• Lebih ramai usahawan dan pekerja dalam industri ekonomi gig dilahirkan.</li> <li>• 10,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat telekomunikasi (Celcom, Digi dan Maxis).</li> <li>• 1,000 penerima sumbangan tahunan terdiri daripada golongan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu pusat perkembangan usahawan digital diwujudkan di Kuantan diikuti dengan cawangan di daerah-daerah seluruh Negeri Pahang yang melibatkan insentif daripada agensi kerajaan.</li> <li>• Peningkatan daya pengeluaran pemilik industri dengan penjimatan kos, masa dan tenaga.</li> <li>• Capaian dan penyebaran maklumat yang lebih mudah sama ada melalui laman web, platform media sosial dan atas talian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecekapan proses perolehan dan kualiti perkhidmatan dipertingkatkan sekaligus meningkatkan hasil pendapatan.</li> <li>• Pemantauan dan penyelarasaran perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih cekap.</li> <li>• Proses-proses pengurusan dan pemantauan kendaraan dengan lebih dinamik dan efisien</li> </ul>

PENELITIAN TERHADAP PELAN  
DAN RANGKA SEDIA ADA

TINJAUAN TERHADAP IDEA MASYARAKAT  
SERTA HASRAT PEMAIN INDUSTRI

## PROSES PEMBENTUKAN PELAN DIGITAL PAHANG

PENYELIDIKAN DAN PENGKAJIAN  
TEKNOLOGI DIGITAL

PENGANJURAN SIRI LAB DIGITAL  
NEGERI PAHANG

## PROSES PEMBENTUKAN PELAN DIGITAL PAHANG

Melalui pendekatan secara holistik yang melibatkan kerjasama yang jitu dan padu antara rakyat Negeri Pahang, pemain industri teknologi (perniagaan) dan Kerajaan Negeri (sektor awam), maka terhasilah Pelan Digital Pahang yang akan menjadi pelan tindakan dalam mendigitalkan Negeri Pahang pada masa hadapan.

Setiap inisiatif yang dirangka mengambil kira faktor-faktor seperti cabaran, jurang, kekangan yang dihadapi oleh rakyat, pihak industri dan sektor awam, lantas menjadi solusi digital kepada segala permasalahan tersebut.

4 pendekatan utama telah dilaksanakan bagi mendapatkan hasil akhir yang terbaik, bermula dengan melaksanakan kajian terhadap pelan sedia ada, kajian terhadap teknologi yang semakin berkembang, lab digital untuk mendapatkan pandangan agensi kerajaan dan GLC, serta sumbang saran daripada idea dan suara rakyat.

## PENELITIAN TERHADAP PELAN DAN RANGKA SEDIA ADA

Pelan Digital Pahang membolehkan rakyat Negeri Pahang untuk memanfaatkan dan menguasai penggunaan digital secara sepenuhnya. Pelan ini adalah sejajar dengan halatuju Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 2017-2020 (PSPSP). Kajian terhadap pelan sedia ada ini dilaksanakan bagi memastikan strategi yang dirangka adalah berstruktur dan selaras bagi mencapai matlamat yang sama.



Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL)	RMKe-12	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025	Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 2017-2020
MYDIGITAL/UNIT PERANCANG EKONOMI	UNIT PERANCANG EKONOMI	MAMPU	SUK PAHANG
Tarikh Pelancaran 19 Februari 2021	Tarikh Pelancaran 27 September 2021	Tarikh Pelancaran 19 Ogos 2021	Tarikh Pelancaran 1 Januari 2017
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan pemain industri menjadi pelopor, pengguna dan yang menerima guna model perniagaan inovatif di bawah ekonomi digital.</li> <li>Memberi galakan serta peluang kepada modal insan yang berpotensi besar dalam bidang ekonomi digital.</li> <li>Mewujudkan ekosistem yang bersepadu bagi membolehkan masyarakat membudayakan ekonomi digital.</li> <li>Memastikan tiada sesiapa yang tertinggal kesan daripada pendigitalan.</li> <li>Memastikan etika penggunaan data dan peralatan digital dipatuhi sepenuhnya.</li> <li>Mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi digital tanpa mengabaikan elemen kerahsiaan dan keselamatan siber.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjana semula ekonomi.</li> <li>Mempercepat inovasi dalam proses terima dan guna teknologi.</li> <li>Memperkuuhkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti.</li> <li>Melonjakkan kelestarian alam sekitar.</li> <li>Mengukuhkan sektor awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data.</li> <li>Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi meliputi sektor awam, sektor swasta, industri dan rakyat.</li> <li>Memantapkan fungsi dan pengurusan organisasi digital sektor awam agar lebih cekap.</li> <li>Membina kepimpinan digital <i>personel/sektor</i> awam melalui keupayaan dan kemahiran digital.</li> <li>Memperluaskan inisiatif pembudayaan dan pengurusan bagi memperbaharui penggunaan perkhidmatan digital.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuuhkan amalan tadbir urus demi kualiti servis dan perkhidmatan dalaman.</li> <li>Menambah baik ekonomi negeri melalui pembangunan dan pengurusan sumber yang efisien.</li> <li>Meningkatkan kualiti pentadbiran dan perkhidmatan organisasi demi kesejahteraan masyarakat.</li> <li>Memperkasakan penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantapkan kawalan.</li> </ul>



## TINJAUAN TERHADAP IDEA MASYARAKAT SERTA HASRAT PEMAIN INDUSTRI

Kerajaan Negeri Pahang telah melancarkan Portal Pelan Digital Pahang pada 9 Disember 2020 bagi mendapatkan suara dan pandangan rakyat berkenaan idea digital yang perlu dilaksanakan di Negeri Pahang dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang. Melalui portal ini, pelbagai idea, cadangan, saranan telah diberikan oleh masyarakat dan sebanyak 147 idea digital telah diperhalusi tahap kebolehlaksanaan, selain mengambil kira impak, keberhasilan dan juga kaedah pengimplementasiannya.

## PENGANJURAN SIRI LAB DIGITAL NEGERI PAHANG

Bagi menghasilkan Pelan Digital Pahang, beberapa siri bengkel atau "Lab Digital" telah dianjurkan untuk mendapatkan pandangan daripada agensi kerajaan dan GLC yang terlibat secara langsung dalam memacu industri di Negeri Pahang. Melalui lab digital, pelbagai maklum balas dan pandangan mengenai permasalahan industri, cadangan solusi serta inisiatif yang boleh dilaksanakan dengan proses pendigitalan.

Seterusnya, sesi *Digital Pitching* diadakan pada 28-30 September 2021 dan pemain industri digital telah dijemput untuk membentangkan idea digital kepada pemegang taruh seperti Kerajaan Negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan. Sesi ini bertujuan sebagai satu platform *matchmaking* bagi menilai keberkesanan solusi digital yang dibentangkan dalam menyelesaikan permasalahan atau jurang yang dihadapi oleh industri. Lebih daripada 50 idea digital telah dibentangkan dan mendapat maklum balas daripada pemegang taruh daripada pelbagai industri.



Lab Digital (LD)	Tarikh	Bilangan Agensi Terlibat	Objektif
LD 1.0 Kerajaan & Industri Digital	13 Oktober 2020	46 agensi termasuk SUK Pahang, PBT, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.	Cabaran, peluang dan potensi solusi digital bagi sektor kerajaan dan industri.
LD 2.0 Inklusif Digital	12 November 2020	2 agensi iaitu BTM SUK Pahang, UKOMP.	Mengenalpasti cabaran, peluang serta cadangan inisiatif bagi menerapkan budaya digital dalam kalangan rakyat.
LD 3.0 Infrastruktur Digital	1 Disember 2020	5 agensi iaitu BTM SUK Pahang, SKMM, TNB, TM, PAIP.	Mengenal pasti cabaran, peluang dan pelaksanaan inisiatif bagi merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar.
LD 4.0 Sesi Pitching bagi inisiatif Kerajaan Digital, Industri Digital, Infrastruktur Digital dan Inklusif Digital	28, 29 & 30 September 2021	46 agensi SUK Pahang, Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.	Cadangan idea dan solusi digital yang telah dibangunkan oleh Penyedia Teknologi.
LD 5.0 Kerajaan Digital	21 Oktober 2021	25 agensi terdiri daripada SUK Pahang, Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.	Pembentangan inisiatif Kerajaan Digital.

## PENYELIDIKAN DAN PENGKAJIAN TEKNOLOGI DIGITAL

Dunia teknologi meledak dengan sangat pantas dan berkembang dengan laju sehingga berlakunya fenomena yang dikenali sebagai *Accelerating Change* atau Perubahan Pesat. Setiap fasa peningkatan teknologi akan mencipta generasi teknologi baharu pada tahap yang lebih baik dan keadaan ini pastinya menjadikan teknologi sentiasa dikemas kini dalam keadaan lebih stabil, cekap dan pantas lalu mewujudkan perubahan pesat teknologi dalam masa yang sangat singkat.

Beberapa kaedah serta metodologi seperti *benchmarking analysis*, PESTLE dan SWOT telah dilaksanakan bagi mengenal pasti teknologi terkini yang paling maju dalam pengkajian pelan digital ini. Teknologi digital turut diteliti dan diperhalusi dalam memaksimumkan kepelbagaian infrastruktur dan perkhidmatan digital serta menangani masalah-masalah semasa seperti jurang digital yang melebar dan isu tadbir urus yang tidak seragam dan tidak bersepakur. Kekangan penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) yang rendah dan penerima gunaan teknologi yang perlahaan juga dapat diminimumkan melalui inisiatif pelan digital ini.

Pelan Digital Pahang akan menumpukan usaha yang jitu ke arah pengadaptasian teknologi digital dan pencarian teknologi termaju dalam rangka mewujudkan ruang inovasi dan peluang pembangunan digital di negeri ini. Usaha ini adalah selari dengan RMK-12 apabila kedua-dua dasar ini amat menekankan elemen pengembangan ekonomi digital serta berusaha untuk menggapai pertumbuhan sosio ekonomi yang lebih positif dan terarah.

# ASPIRASI PINTAR : PELAN DIGITAL PAHANG 2021-2025

Pelan Digital Pahang telah menggariskan pelbagai inisiatif serta hasil bersasar demi kepentingan rakyat, pemain industri, perniagaan mahupun kerajaan. Pelan tindakan ini merangkumi tiga (3) fasa pelaksanaan bermula dari tahun 2021 hingga tahun 2025 dan dasar strategik ini akan dilaksanakan melalui 4 teras utama, 10 strategi, 50 inisiatif digital dan 6 fokus industri bagi mencapai tiga keberhasilan utama yang telah disasarkan.

## VISI

Menjadi peneraju yang mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan negeri yang mampan digital

## 3 KEBERHASILAN UTAMA

### EKOSISTEM DIGITAL

Mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dan berintegrasi di antara kerajaan, rakyat dan swasta bagi meningkatkan produktiviti, efisiensi dan memangkin ekonomi Negeri Pahang.

### GAYA HIDUP DIGITAL

Membudayakan gaya hidup digital dalam kalangan rakyat dan sektor swasta di Negeri Pahang seterusnya meningkat kualiti kehidupan rakyat Pahang.

### NEGERI *DIGITAL-READY*

Meningkatkan imej Negeri Pahang sebagai sebuah negeri yang berdaya maju dan *digital-ready* bagi menarik pelabur luar.

## 4 TERAS UTAMA

### PERTAMA

Infrastruktur Digital

### KEDUA

Kerajaan Digital

### KETIGA

Inklusif Digital

### KEEMPAT

Industri Digital

### 10 STRATEGI DIGITAL

Memperkasa komunikasi strategik dan memperkaya kesalinghubungan digital

Mentransformasi infrastruktur digital ke arah pembangunan mampan

Meningkatkan keupayaan dan melonjakkan potensi infrastruktur data

Pengoptimum hasil Kerajaan

Pemerkasa tadbir urus & kompentensi

Pengukuhan kualiti perkhidmatan kerajaan

Pemanfaatan perkongsian data

Kesedaran digital memudahkan penerimaan & akses teknologi

Meningkatkan penyertaan rakyat dalam aktiviti digital

Mewujudkan persekitaran dan budaya digital

### 6 FOKUS INDUSTRI

Perniagaan & Keusahawanan

Pembinaan

Pelancongan & Rekreasi

Perkilangan

Pendidikan & Modal Insan

Pertanian & Penternakan

# STRUKTUR PELAN DIGITAL PAHANG

## 2021-2025

VISI PELAN DIGITAL PAHANG

3 KEBERHASILAN UTAMA

4 TERAS UTAMA

10 STRATEGI DIGITAL

6 FOKUS INDUSTRI

50 INISIATIF DIGITAL

94 SOLUSI DIGITAL

## PRINSIP DIGITAL

### INKLUSIF

- Memastikan rakyat Negeri Pahang mendapat manfaat dan kebaikan serta tiada yang dipinggirkan daripada program digital yang dilaksanakan.

### PEMODENAN

- Meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kemudahan kepada rakyat melalui pendigitalan.
- Mentrasformasi kaedah lama dan manual yang sedia ada dengan menjadikan pendigitalan sebagai kaedah alternatif.
- Menyediakan integrasi data untuk kesinambungan masa hadapan.

### ETIKA

- Mementingkan keselamatan siber dan kerahsiaan data pengguna.
- Mematuhi piawaian, garis panduan dan perundangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
- Menghormati nilai budaya, agama, politik dan Institusi Diraja.
- Mementingkan integriti dan tadbir urus yang baik.
- Menggunakan data dan peralatan secara berhemah dan beretika.

### PEMILIKAN

- Mewujudkan kaedah pembiayaan program digital yang mampu dimiliki dan dinikmati bersama.
- Menjadi Inisiatif pendigitalan yang akan dipacu oleh industri dan rakyat. Kerajaan Negeri bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin dalam mempromosikan program pendigitalan.

# FASA PELAN DIGITAL PAHANG

## FASA 1 (2021-2022)

- Kerajaan Negeri menjadi peneraju usaha data dan kecerdasan digital yang menjadi nadi ekonomi digital di Negeri Pahang.
- Kawal selia yang kondusif dijalankan bagi merancakkan pembangunan infrastruktur digital.
- Masyarakat lebih yakin dalam menggunakan teknologi dan kadar penggunaan semakin meningkat tanpa mengira lapisan usia.
- Pelaksanaan projek infrastruktur jalur lebar yang lebih meluas dengan penggunaan masa yang minimum.

## FASA 2 (2023-2024)

- Perkhidmatan e-kerajaan dengan sokongan penggunaan teknologi dan data yang berkesan mampu beroperasi secara meluas dan memberi manfaat kepada masyarakat.
- Memperbaharui tingkat sosioekonomi masyarakat dengan meningkatkan kualiti ekuiti akses.
- Memperkasakan kepercayaan serta keyakinan pengguna terhadap agensi pengurusan data peribadi dan profesionalisme badan-badan digital dalam menjamin kerahsiaan data.
- Perkembangan inovasi secara berterusan dalam proksi perniagaan ekonomi gigi.

## FASA 3 (2025)

- Memacu pendigitalan data secara inklusif dan menyeluruh bagi menghubungkan Kerajaan Negeri Pahang dengan industri, masyarakat dan kerajaan.
- Kewujudan persekitaran digital yang dicorakkan oleh kerajaan bakal membantu dan memudahkan lagi peniaga untuk memulakan atau menjalankan perniagaan.
- Mengasah bakat-bakat muda dan melahirkan lebih ramai perintis digital yang berkemahiran tinggi dalam kalangan komuniti sejagat.
- Menyedarkan masyarakat tentang kepentingan ilmu siber serta meningkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan pengguna.



“ Dengan kewujudan aplikasi PahangGo, maka terbuktilah bahawa Negeri Pahang berada pada landasan yang tepat untuk menerajui Ekonomi Digital di Malaysia ”

**YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang**



## INFRASTRUKTUR DIGITAL

# BAB 3 - TERAS PERTAMA

## INFRASTRUKTUR DIGITAL

### LONJAKAN KEMAJUAN INFRASTRUKTUR DIGITAL DALAM MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MEMPERLUAS JARINGAN KOMUNIKASI

Infrastruktur digital merujuk kepada pengembangan infrastruktur berasaskan teknologi maklumat untuk menyokong pelbagai kegiatan ekonomi termasuklah memacu perekonomian digital. Infrastruktur ini boleh dicerakinkan kepada dua kategori iaitu infrastruktur fizikal dan bukan fizikal. Penjanaan infrastruktur digital yang kondusif mampu mempertingkat keupayaan ekosistem ekonomi baharu untuk berkembang dan menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan semua

sektor adalah mandatori dalam memangkin keberhasilan pembangunan infrastruktur digital seterusnya membina pertumbuhan ekonomi digital yang cemerlang.

Infrastruktur digital berupaya meningkatkan akses dalam sesebuah kawasan seterusnya memberi impak dominan terhadap jurang digital dalam negara. Antara kemudahan infrastruktur yang terlibat adalah infrastruktur komunikasi seperti jaringan fiber optik dan tiang pemancar, infrastruktur kemudahan asas dan utiliti seperti lurang kabel elektrik, tiang elektrik, tiang lampu jalan, lurang paip air, sistem perparitan dan saluran pembetungan serta infrastruktur perkongsian data raya.

### INFRASTRUKTUR DIGITAL DI PAHANG

NO.	INISIATIF	HASIL
1	Memperluas liputan 4G melalui projek pembinaan menara telekomunikasi yang baharu.	270 buah menara baharu dengan liputan 4G di seluruh Negeri Pahang dibina.
2	Menaik taraf stesen pangkalan 2G/3G kepada rangkaian 4G.	893 stesen pemancar di kawasan luar bandar dibina.
3	Memperbaharui kualiti rangkaian jalur lebar tetap kepada kualiti gentian optik.	Capaian rangkaian gentian optik berkeupayaan gigabit di 118,260 buah premis seluruh Negeri Pahang.
4	Mewujudkan akses jalur lebar tanpa wayar menerusi pengimplementasian teknologi satelit di perkampungan Orang Asli.	Keupayaan akses jalur lebar tanpa wayar mencapai kelajuan purata sehingga 35 Mbps di kawasan perkampungan Orang Asli.
5	Memacu pelaksanaan projek rintis dan membangunkan rangkaian 5G dengan pesat.	Liputan 5G mendatangkan faedah dan manfaat di kawasan yang telah disasarkan bermula 2022.
6	Manfaatkan infrastruktur akses terbuka bagi capaian internet jalur lebar yang lebih pantas di kawasan pedalaman.	Penyedia perkhidmatan runcit memberikan perkhidmatan internet jalur lebar dengan kelajuan yang lebih baik kepada penduduk luar bandar.
7	Menyediakan langganan perkhidmatan jalur lebar satelit (VSAT) bagi menaik taraf kualiti internet	Kemudahan akses jalur lebar tanpa wayar menggunakan teknologi satelit mencapai kelajuan purata sehingga 35 Mbps.
8	Infrastruktur utiliti guna sama yang memberi penjimatan maksimum.	Sebarang perkakasan teknologi yang ingin dipasang pada masa hadapan tidak memerlukan fasiliti baharu, hanya perlu guna sama infrastruktur utiliti dan fasiliti yang sedia ada.

9	Pengklasifikasian komunikasi sebagai utiliti asas ketiga.	Pemakaian Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-i) yang bersepadu di seluruh Negeri Pahang.
10	Pembangunan Sistem Maklumat Geospatial (GIS) berpusat Negeri Pahang.	5 agensi kerajaan/syarikat berkaitan kerajaan dapat berkongsi dan menggunasama data dari Sistem Maklumat Geospatial (GIS) berpusat.
11	Pembinaan Pusat Data Pantai Timur sebagai peneraju hab data.	60% penggunaan storan awan Pusat Data Pantai Timur digunakan oleh agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

## **MEMPERKASA KOMUNIKASI STRATEGIK DAN MEMPERKAYA KESALINGHUBUNGAN DIGITAL**

Infrastruktur komunikasi mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan taraf sosioekonomi komuniti. Arus modenisasi menuntut Malaysia untuk maju beberapa tapak ke hadapan dalam mengumpul dana serta memupuk usaha untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur komunikasi seiring status quo masyarakat yang semakin celik informasi dan teknologi.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), syarikat telekomunikasi, Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan pihak-pihak berwajib yang bertanggungjawab untuk memantau kemajuan infrastruktur digital di negara ini serta menjadi peneraju dalam merealisasikan hasrat kerajaan yang berusaha menyediakan persekitaran digital mapan.

Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA dengan peruntukan sebanyak RM 27.8 bilion telah dirangka bermatlamat untuk merapatkan kualiti ekuiti akses antara kawasan luar bandar dan bandar, memastikan ketersediaan dalam mengaplikasikan teknologi 5G sekaligus melakukan revolusi ekonomi digital selaras dengan RMK-12 yang mewartakan usaha menyeluruh dalam membekalkan akses bermutu tinggi, memperbaiki kualiti hidup digital rakyat melalui penjanaan infrastruktur digital yang lebih baik serta mewujudkan "Malaysia Digital" yang berpendapatan tinggi.

JENDELA yang dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun dibahagikan kepada dua (2) fasa perlaksanaan. Fasa 1 (2020-2022) telah meletakkan beberapa sasaran yang ingin dicapai, antaranya adalah:

- Meluaskan liputan rangkaian 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk;
- Menaiktaraf purata kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25 Mbps kepada 35 Mbps; dan
- Memastikan sehingga 118,260 juta premis dilengkapi

dengan gentian optik untuk kegunaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap.

Rangkaian 3G ditamatkan secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 di dalam Fasa 1 untuk memberi laluan proses pemantapan rangkaian 4G dan secara tidak langsung meningkatkan dan mengukuhkan kesediaan Negeri Pahang untuk melaksanakan rangkaian 5G. Dengan pemerkasaan pelan Fasa 1, liputan yang baik dapat dijana selain meningkatkan kadar literasi digital dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, kos berpatutan dan inovasi yang dinamik akan menyumbang kepada ekosistem ekonomi digital yang berdaya saing lantas meningkatkan pendapatan rakyat dan negeri.

Selepas matlamat Fasa 1 mencapai indikator yang ditetapkan dengan pengukuhan platform rangkaian jalur lebar, Fasa 2 (2023 -2025) akan diteruskan bagi memastikan misi JENDELA terlaksana seiring dengan perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu akses kepada jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat di seluruh negara.

Di bawah Fasa 2, rangkaian 5G akan mula diimplementasikan yang diuruskan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) yang mendapat lesen dan kelulusan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Beberapa lokasi akan dipilih sebagai bandar rintis bagi memulakan perlaksanaan percubaan rangkaian 5G di dalam negara Malaysia.

Selain itu, Akses Jalur Lebar Tanpa Wayar (BWA) atau teknologi lain yang bersesuaian akan dikaji dan dipertimbang untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan pedalaman serta kawasan yang mempunyai permukaan geografi yang mencabar. Kawasan sebegini sukar untuk dicapai dan memerlukan dana penyediaan gentian optik juga amat tinggi.

<b>MEMPERLUAS LIPUTAN 4G MELALUI PROJEK PEMBINAAN MENARA TELEKOMUNIKASI YANG BAHARU</b>		<b>MENAIKTARAF STESEN PANGKALAN 2G/3G KEPADA RANGKAIAN 4G</b>	
<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan liputan perkhidmatan jalur lebar mudah alih rangkaian 4G di kawasan berpenduduk luar bandar dan pedalaman.</li> </ul>	SKMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menaiktaraf stesen pemancar sedia ada daripada rangkaian 2G/3G kepada 4G.</li> <li>Mempertingkat kualiti perkhidmatan di kawasan penempatan luar bandar, pedalaman, kampung tradisional, kawasan penempatan berkelompok (FELDA,FELCRA,RTP, RPS) dan jalan raya luar bandar.</li> </ul>	SKMM
<b>HASIL</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>270 buah menara baharu dengan liputan 4G di seluruh Negeri Pahang dibina.</li> <li>Pencapaian liputan 4G mencecah 96.9% menjelang tahun 2022.</li> <li>Seluruh rakyat Negeri Pahang akan mendapat liputan jalur lebar 4G dengan kelajuan sehingga 35 Mbps.</li> </ul>	<b>GARIS MASA</b> Fasa 1 ( 2021-2022 )	<b>HASIL</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>893 stesen pemancar di kawasan luar bandar dibina.</li> <li>Memperluas liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk menjelang 2022 .</li> <li>Seluruh rakyat Negeri Pahang akan mendapat liputan jalur lebar 4G dengan purata kelajuan sehingga 35 Mbps.</li> </ul>	<b>GARIS MASA</b> Fasa 1 (2021-2022)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan liputan jalur lebar mudah alih rangkaian 4G di kawasan luar bandar dan pedalaman melalui pembinaan menara telekomunikasi baharu.</li> <li>Inisiatif ini bakal memberi kesan positif terhadap taraf hidup masyarakat setempat menerusi penjanaan ekonomi digital di samping memudahkan urusan atas talian seperti pembelajaran dan perdagangan.</li> <li>Meminimumkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar sejajar aspirasi JENDELA yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan.</li> </ul>		<b>PENERANGAN INISIATIF</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan rakyat Pahang dapat menikmati perkhidmatan komunikasi dengan capaian internet yang lebih pantas dan berkualiti tinggi.</li> <li>Projek 3G Sunset menyumbang kepada penggunaan spektrum yang lebih efektif untuk rangkaian 4G.</li> </ul>	
<b>SASARAN</b>	Rakyat Negeri Pahang	<b>SASARAN</b>	Masyarakat luar bandar

## **MEMPERBAHARUI KUALITI RANGKAIAN JALUR LEBAR TETAP KEPADA KUALITI GENTIAN OPTIK**

## **MEWUJUDKAN AKSES JALUR LEBAR TANPA WAYAR MENERUSI PENGIMPLEMENTASIAN TEKNOLOGI SATELIT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI**

<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menaik taraf rangkaian sedia ada berasaskan tembaga (copper) kepada gentian optik bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar tetap yang berkelajuan tinggi.</li> </ul>	SKMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menawarkan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar satelit secara percuma di kawasan perkampungan Orang Asli.</li> </ul>	SKMM
<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>83% premis di seluruh Pahang mempunyai fiber optik.</li> <li>Capaian rangkaian gentian optik berkeupayaan gigabit di 118,260 buah premis seluruh Pahang.</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keupayaan akses jalur lebar tanpa wayar dengan menggunakan teknologi satelit mampu mencapai kelajuan purata sehingga 35 Mbps di kawasan perkampungan Orang Asli.</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b>		<b>PENERANGAN INISIATIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini dilaksanakan bagi menyediakan backhaul gentian optik di premis-premis dalam negeri untuk menyokong penyediaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.</li> <li>Menampung keperluan dan permintaan internet yang tinggi atas kepelbagai tujuan seperti pembelajaran, hal-hal pekerjaan dan perniagaan.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan teknologi satelit (VSAT) di kawasan yang tidak mempunyai sambungan gelombang mikro ataupun gentian optik.</li> <li>Bertanggungjawab memastikan masyarakat Orang Asli di Pahang tidak terpinggir dalam era terkini pasca globalisasi.</li> <li>Memudahkan urusan perhubungan komunikasi dua hala dengan dunia luar khususnya ketika berlaku kesesakatan.</li> </ul>	
<b>SASARAN</b>	Premis-premis yang beroperasi di seluruh Pahang	<b>SASARAN</b>	Komuniti Orang Asli di 69 buah perkampungan

<b>MEMACU PELAKSANAAN PROJEK RINTIS DAN MEMBANGUNKAN RANGKAIAN 5G DENGAN PESAT</b>		<b>MEMANFAATKAN INFRASTRUKTUR AKSES TERBUKA BAGI CAPAIAN INTERNET JALUR LEBAR YANG LEBIH PANTAS DI KAWASAN PEDALAMAN</b>	
<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan perkhidmatan capaian 5G di lokasi terpilih dan menjayakan Projek Rintis Rangkaian 5G.</li> </ul>	SKMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan infrastruktur akses terbuka untuk memanjangkan jejak (<i>footprint</i>) gentian optik dengan lebih pantas.</li> <li>Menjimatkan kos menaik taraf capaian jalur lebar di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.</li> </ul>	Koridor Utiliti Pahang
<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Liputan 5G mendatangkan faedah dan manfaat di kawasan yang telah disasarkan bermula 2022 mengikut kaedah dan fasa pelaksanaan yang telah digazetkan.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2025)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyedia Perkhidmatan Runcit dapat memberikan perkhidmatan internet jalur lebar dengan kelajuan yang lebih baik kepada penduduk luar bandar dengan menggunakan infrastruktur akses terbuka.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b>		<b>PENERANGAN INISIATIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>5G merupakan rangkaian mudah alih generasi kelima yang bakal menjanjikan prestasi teknologi baharu yang lebih pantas dan cemerlang, di samping berupaya untuk menyokong lebih banyak peranti dan pengguna secara serentak pada kadar kependamuan yang rendah.</li> <li>Projek Rintis Rangkaian 5G akan dilaksanakan secara bersasar di pusat bandar <b>Kuantan, Bandar Indera Mahkota dan KotaSAS</b> meliputi <b>Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS)</b>.</li> <li>Pelaksanaan inisiatif ini menjana keuntungan kepada industri vertikal apabila dapat memanfaatkan integrasi teknologi 5G dalam penjagaan kesihatan, media dan hiburan, bandar pintar, automotif, pengilangan, keselamatan awam, pertanian dan pendidikan.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan untuk menawarkan sambungan internet yang lebih baik di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.</li> <li>Akses diberikan kepada Penyedia Perkhidmatan Runcit (RSP) menggunakan infrastruktur sedia ada tanpa perlu membina prasarana rangkaian akses gantian mereka sendiri sekaligus dapat meminimumkan kos pemasangan.</li> <li>Penyedia Perkhidmatan Runcit (RSP) boleh menawarkan perkhidmatan mereka kepada pengguna akhir dengan harga berpatutan.</li> </ul>	
<b>SASARAN</b>	Bandar Kuantan, Indera Mahkota dan KotaSAS	<b>SASARAN</b>	Penduduk luar bandar dan pinggir bandar di Kuantan, Pekan dan Lipis

## MENYEDIAKAN LANGGANAN PERKHIDMATAN JALUR LEBAR SATELIT (VSAT) BAGI MENAIK TARAF KUALITI INTERNET

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menaik taraf perkhidmatan jalur lebar satelit di kawasan pedalaman seiring dengan keperluan semasa dalam sektor pendidikan, ekonomi dan komunikasi.</li> <li>Meningkatkan kelajuan jalur lebar bagi memastikan aspirasi pendigitalan terlaksana di seluruh Negeri Pahang termasuk di kawasan pedalaman.</li> </ul>	Pahang Go
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan akses jalur lebar tanpa wayar menggunakan teknologi satelit mencapai kelajuan purata sehingga 35 Mbps.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan teknologi satelit (VSAT) di kawasan kampung yang tidak mempunyai sambungan gelombang mikro ataupun gentian optik.</li> <li>Mengurangkan jurang digital masyarakat kampung dan luar bandar.</li> </ul>	
SASARAN	50 kampung pedalaman di Negeri Pahang

## MENTRANSFORMASI INFRASTRUKTUR DIGITAL KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN

Infrastruktur kemudahan asas dan utiliti saling berhubung kait antara satu sama lain bagi menatihahkan suatu asas yang menyokong keseluruhan struktur tertentu.

Infrastruktur ditakrifkan sebagai komponen fizikal yang menyediakan komoditi serta perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat dalam meningkatkan kualiti hidup.

Oleh itu, sambungan internet yang baik di setiap kawasan merupakan satu mandatori yang menjadi tunjang kepada proses pendigitalan. Perlaksanaan ini dapat menjadi batu loncatan dalam membuka ruang yang lebih luas dalam memperbanyakkan kemudahan di kawasan luar bandar selain dapat meningkatkan kadar kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sekaligus merancakkan lagi aktiviti ekonomi dalam kalangan masyarakat.

Tambahan, dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, rangkaian jalur lebar dan internet kini menjadi komponen penting dalam urusan harian lalu mentransformasikan urusan komunikasi dalam pelbagai sektor.

Selain itu, perancangan yang teliti dalam penyediaan rangkaian laluan dan kabel perlu dibangunkan pada peringkat awal supaya tidak mengakibatkan pelbagai kesan yang memberi kerugian dan kesan buruk pada masa hadapan. Sebagai contoh dapat mengelakkkan kerja-kerja menaik taraf perkhidmatan yang melibatkan kerosakan atas turapan jalan. Perencanaan kemudahan utiliti ini dapat memastikan elemen pemeliharaan alam semulajadi dan landskap dapat dikekalkan seiring dengan pembangunan yang dijalankan.

Di samping itu, amalan infrastruktur utiliti guna sama perlu diperkasakan dalam kalangan syarikat utiliti. Misalnya, kabel gentian optik boleh dipasang pada tiang elektrik dan antena komunikasi pula boleh ditempatkan pada tiang lampu jalan raya. Perkara ini boleh dilaksanakan hanya dengan memanfaatkan fasiliti dan infrastuktur sedia ada. Amalan ini akan membolehkan penyambungan jalinan komunikasi dapat dijayakan dengan lebih pantas dengan menawarkan kos yang rendah kepada syarikat komunikasi.

<b>INFRASTRUKTUR UTILITI GUNA SAMA YANG MENJIMATKAN</b>		<b>PENGKLASIFIKASIAN KOMUNIKASI SEBAGAI UTILITI ASAS KETIGA</b>	
<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memanfaatkan infrastruktur utiliti dan fasiliti sedia ada untuk pelbagai kegunaan dalam bidang teknologi pada masa hadapan.</li> <li>• Menjimatkan kos dengan tidak perlu membina fasiliti dan infrastuktur baharu.</li> </ul>	Koridor Utiliti Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan akses internet diklasifikasikan sebagai utiliti asas secara mandatori menerusi undang-undang sebagai usaha mewujudkan persekitaran digital yang efisien.</li> </ul>	Bahagian Kerajaan Tempatan  Pihak Berkuasa Tempatan  SKMM
<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang perkakasan teknologi yang ingin dipasang pada masa hadapan tidak memerlukan fasiliti baharu, hanya perlu guna sama infrastruktur utiliti dan fasiliti yang sedia ada.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang perkakasan teknologi yang ingin dipasang pada masa hadapan tidak memerlukan fasiliti baharu, hanya perlu guna sama infrastruktur utiliti dan fasiliti yang sedia ada.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b>		<b>PENERANGAN INISIATIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertujuan untuk memanfaatkan infrastruktur utiliti (elektrik dan air) atau fasiliti (tiang lampu, papan pengiklanan, perparitan dan lain-lain) sedia ada untuk kegunaan teknologi pada masa hadapan.</li> <li>• Infrastruktur dan fasiliti yang mempunyai pelbagai kegunaan dibina dan bersifat guna sama bagi memudahkan pemasangan perkakasan teknologi yang memberi penjimatan masa, tenaga dan kos.</li> <li>• Sebagai contoh, pelaksanaan 5G dapat dipercepatkan melalui pemasangan pancaran rangkaian di tiang lampu atau billboard sedia ada. Selain itu, kamera litar pintar juga dapat digunakan dengan hanya dipasang di papan iklan sahaja.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif ini bertujuan untuk melakukan pindaan terhadap beberapa klausa undang-undang di peringkat persekutuan dan negeri agar jalur lebar dapat diserap sebagai salah satu infrastruktur asas yang turut meliputi kawasan pembinaan dan pembangunan baharu seperti kawasan perumahan dan bangunan-bangunan komersial.</li> <li>• Undang-undang yang akan dikaji semula termasuklah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).</li> <li>• Menggalakkan penerimaan dan penguatkuasaan yang lebih luas bagi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) yang telah dipinda.</li> </ul>	
<b>SASARAN</b>	Pihak Berkuasa Tempatan	<b>SASARAN</b>	Rakyat Negeri Pahang



## MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN MELONJAKKAN POTENSI INFRASTRUKTUR DATA

Perkembangan Revolusi Industri telah membawa kepada penemuan sistem data besar atau data raya yang digelar sebagai *Big Data*. Infrastruktur data raya berupaya mengendalikan, menganalisis dan mengekstrak maklumat secara sistematik serta menangani set data raya serta kompleks yang tidak mampu ditangani oleh perisian aplikasi pemprosesan data tradisional.

Fenomena data raya telah menjadi sebuah lonjakan dalam bidang teknologi apabila berjaya membuka dimensi baharu kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk

meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat menerusi infrastruktur komunikasi dan digital. Media sosial popular seperti Facebook, Instagram dan Twitter turut memanfaatkan pertumbuhan data raya atau *big data* sehingga mencapai tahap terabytes dan petabytes data dalam menjalankan proses pendigitalan.

Data raya yang diiktiraf sebagai teknologi baharu pelbagai fungsi boleh diaplikasikan di Negeri Pahang menerusi usaha pembangunan Pusat Data Pantai Timur dan Sistem Maklumat Geografi Berpusat (GIS). Perkongsian data secara berstruktur pastinya mampu mempertingkat kecekapan pentadbiran dan memperluas capaian ekonomi digital secara serentak.

## PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOSPATIAL (GIS) BERPUSAT NEGERI PAHANG

## PEMBINAAN PUSAT DATA PANTAI TIMUR SEBAGAI PENERAJU HAB DATA

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan Sistem Maklumat Geospatial (GIS) secara berpusat untuk Negeri Pahang.</li> <li>Menyelaraskan data dan maklumat Geospatial Negeri di bawah satu sistem yang tunggal.</li> <li>Memudahkan perkongsian data Geospatial antara agensi kerajaan juga syarikat berkaitan kerajaan.</li> </ul>	BPEN Koridor Utiliti Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan Pusat Data Pantai Timur bagi menjaga kemaslahatan digital meliputi Kerajaan Negeri Pahang, syarikat-syarikat swasta mahupun mana-mana pihak yang berminat untuk melabur dalam teknologi baharu ini.</li> </ul>	Syarikat Usahasama		
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA		
<ul style="list-style-type: none"> <li>5 agensi kerajaan/syarikat berkaitan kerajaan dapat berkongsi dan menggunasama data dari Sistem Maklumat Geospatial (GIS) Berpusat.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li>60% penggunaan storan awan Pusat Data Pantai Timur digunakan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Pahang, Kelantan dan Terengganu.</li> </ul>	Fasa 3 (2025)		
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF			
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Maklumat Geospatial (GIS) berpusat diwujudkan dan data GIS ini akan ditempatkan di pusat data yang akan dikawal selia oleh Koridor Utiliti Pahang.</li> <li>Agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan yang terlibat akan berkolaboratif dalam menyemak dan menyelia data GIS bagi memastikan maklumat yang dipaparkan sentiasa tepat dan terkini.</li> <li>Data ini akan digunasama oleh pelbagai agensi kerajaan dan GLC melalui intergrasi sistem yang lebih berstruktur dengan penjimatan kos, masa dan tenaga.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Data Pantai Timur Berfungsi sebagai hab simpanan data utama bagi syarikat berkaitan kerajaan, institusi pendidikan dan juga sebagai pilihan alternatif untuk pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan.</li> <li>Anak syarikat dan Institusi Pendidikan Kerajaan akan ditempatkan di dalam satu hab data berpusat serta dilengkapi dengan kemahiran keselamatan siber.</li> <li>Pusat Data Pantai Timur amat mengalu-alukan pihak luar terutamanya agensi-agensi kerajaan dari negeri Pantai Timur untuk turut bernaung di bawah hab data ini.</li> </ul>			
SASARAN	Agensi kerajaan serta GLC di Negeri Pahang		SASARAN	Pemain industri digital, badan-badan kerajaan, agensi-agensi swasta serta anak-anak syarikat dan juga GLC	



## PENTADBIRAN PROGRESIF MELALUI TRANSFORMASI KERAJAAN DIGITAL

## BAB 4 - TERAS KEDUA KERAJAAN DIGITAL

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, sektor pentadbiran awam mula memacu transformasi melalui Kerajaan Digital. Keperluan untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih pantas dan efisien dapat dicapai dengan kewujudan transformasi ini. Masyarakat akan menikmati perkhidmatan yang lebih cekap dengan kewujudan sistem atas talian dengan meminimumkan penggunaan masa.

Transformasi Kerajaan Digital bukan sekadar memuat naik borang di pautan internet yang disediakan, malah ia turut memenuhi keperluan pengguna dan memberi manfaat kepada masyarakat serta memudahkan komuniti untuk beradaptasi dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Keberkesanan perkhidmatan Kerajaan Digital dapat dilihat melalui interaksi dua hala dalam tiga kategori utama :

1. Antara agensi kerajaan dengan agensi kerajaan lain (G2G)
2. Antara kerajaan dengan rakyat (G2C)
3. Antara kerajaan dengan perniagaan (G2B)

### POTENSI KERAJAAN DIGITAL DALAM TRANSFORMASI PENTADBIRAN

Kerajaan Digital berupaya menyebarluaskan maklumat dan memberikan perkhidmatan dalam masa yang singkat menerusi pelbagai platform serta boleh diakses di mana sahaja pengguna berada.

Perlaksanaan Perkhidmatan Digital mampu memberi anjakan dan nilai tambah seperti berikut :

- Kecekapan dan produktiviti dalaman yang lebih berstruktur;
- Kerjasama antara jabatan yang lebih bersepadan;
- Kepuasaan pengguna dalam talian yang lebih maksimum;
- Kehadiran pengguna dalam talian yang lebih meningkat;
- Kemampuan tenaga kerja yang minimum dalam menghasilkan output yang lebih optimum ;
- Keupayaan mewujudkan budaya dan kualiti yang lebih inovasi.

Peralihan perkhidmatan konvensional kepada digital bukan sahaja memberi manfaat kepada sektor perkhidmatan, bahkan produktiviti dapat ditingkatkan apabila kakitangan kerajaan tidak lagi memfokuskan kepada telefon dan meja perkhidmatan. Oleh itu, mereka boleh memperkasakan inisiatif strategik lain dengan idea dan tindakan yang lebih berkesan.

Sebagai contoh, proses perolehan dan kelulusan dapat diperkemaskin dengan lebih baik, proses operasi dan penggabungan piawaian teknologi dapat diteliti dengan lebih perkasa, serta proses pengambilan pekerja dapat diuruskan dengan lebih cekap.

Melalui Pelan Tindakan Pahang Digital, Teras Strategik Kedua iaitu Kerajaan Digital dapat direalisasikan apabila agensi-agensi kerajaan melaksanakan usaha sama dan saling berganding bahu dalam melaksanakan tindakan yang telah dirangka.

Teras kedua Pahang Digital iaitu Kerajaan Digital, merupakan teras yang perlu diambil perhatian dan tindakan yang sepenuhnya oleh agensi-agensi kerajaan bagi memastikan proses pendigitalan ini mencapai kejayaan.

## KERAJAAN DIGITAL

NO.	INISIATIF	HASIL
1	Memperkasa Sistem Perolehan Digital Negeri Pahang untuk kegunaan PBT dan Badan-badan Kerajaan.	Peningkatan kecekapan proses perolehan, penambahbaikan kualiti perkhidmatan serta penjanaan hasil pendapatan yang lebih lumayan.
2	Memperkenalkan PahangCert untuk mentransformasikan urusan lesen, permit dan sijil.	Penginovasian proses dokumentasi dan proses pengesahan di peringkat Penguatkuasaan Kerajaan.
3	Mewujudkan Sistem Bidaan Digital untuk kegunaan semua agensi kerajaan Negeri Pahang.	Penjimatan tempoh serta masa bidaan melalui proses membida yang berstruktur seterusnya mengoptimumkan hasil Kerajaan Negeri.
4	Mewujudkan Sistem Semakan tunggakan bayaran perkhidmatan kerajaan berpusat.	Semakan tunggakan di pelbagai agensi kerajaan menjadi mudah sekaligus meningkatkan kutipan hasil kerajaan.
5	Platform pembayaran parkir secara digital sebagai alternatif.	500,000 pengguna menggunakan aplikasi PahangGo dengan aktif untuk membuat pembayaran parkir.
6	Perlaksanaan sistem e-Pelaburan.	Pengurusan perlaburan luar yang lebih teratur, sistematik dan efisien.
7	Pengaplikasian Sistem Pengurusan Prestasi Negeri Pahang terhadap Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.	Memantau serta mengenal pasti prestasi agensi dan jabatan kerajaan Negeri Pahang bagi meningkatkan kualiti tadbir urus dengan lebih berkesan.
8	Melaksanakan Sistem Pengurusan Kakitangan dan Pelawat di Kompleks Kerajaan.	Mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan dalam kalangan kakitangan dan pelawat supaya tidak menjadikan operasi perkhidmatan di kompleks kerajaan.
9	Mempromosikan penggunaan serta perkhidmatan dron kepada Agensi Kerajaan GLC.	Memperkasa penggunaan teknologi dron untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk dalam pelbagai sektor bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang.
10	Mengawal selia kenderaan rasmi kerajaan & GLC secara dinamik serta meningkatkan kecekapan penggunaan.	Mendigitalkan proses-proses pengurusan dan pemantauan kenderaan kerajaan dengan lebih efisien.
11	Mewujudkan posisi Ketua Pegawai Digital (CDO) demi melancarkan proses pendigitalan sejahter.	Melonjakkan kualiti penyelarasian digital di peringkat jabatan dan agensi-agensi kerajaan.
12	Menambahbaik kemahiran digital penjawat awam demi memacu pentadbiran digital yang komprehensif.	Penjawat awam mampu mengendalikan peralatan, aplikasi, perisian dengan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga luar sekaligus meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

## KERAJAAN DIGITAL

NO.	INISIATIF	HASIL
13	Mengasaskan Majlis Digital Negeri Pahang ( <i>Pahang Digital Council</i> ) bagi memacu pertumbuhan digital yang lebih strategik.	Pelaksanaan Pelan Digital yang lebih tersusun dan fleksibel selari dengan teknologi terkini di samping merancang, meneliti dan memenuhi keperluan digital masyarakat.
14	Menggabungkan sistem e-rakyat dengan sistem e-bantuan, e-banjir.	Penghasilan sistem data dan perisian maklumat bantuan kerajaan, merangkumi golongan kurang pendapatan dan yang terkesan.
15	Menyokong perlaksanaan bandar pintar sebagai teras pembangunan digital.	Penyelaras dan pemantauan projek-projek bandar pintar dan teknologi hijau oleh Kerajaan Negeri Pahang.
16	Mendigitalkan hal ehwal pengurusan tanah Negeri Pahang (e-Tanah) secara holistik.	Peningkatan kualiti perkhidmatan pengurusan tanah secara menyeluruh serta pengaplikasian penuh sistem e-tanah terhadap proses kerja PTG dan PDT.
17	Mendigitalkan pengurusan mineral Negeri Pahang.	Pengurangan ketirisan dalam kutipan hasil kerajaan, memperkasa sistem dan melicinkan proses pengeluaran mineral.
18	Mewujudkan sistem hasil dan perakaunan berpusat untuk Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT).	Kecekapan pemantauan dan pengurusan hasil Pihak Berkuasa Tempatan dapat dipertingkatkan.
19	Mencipta inovasi baharu dengan memperkenalkan identiti digital khas Negeri Pahang (PahangID).	Pemerkasaan kecekapan pentadbiran serta memudahkan urusan masyarakat dengan agensi-agensi kerajaan Negeri Pahang.
20	Mewujudkan akademi sukan e-Sport.	e-Sport diterima sebagai satu cabang sukan yang berpotensi sama seperti sukan-sukan lain serta 500 pemain dan 5 kelab e-Sport profesional dilahirkan.
21	Memperkenalkan serta menambah baik GOS Gateway Pahang melalui aplikasi & Portal PahangGo.	Kapasiti pembayaran tanpa tunai (cashless) dibudayakan dalam setiap urusan di Negeri Pahang.
22	Menambahbaik persekitaran perkongsian data melalui API.	Setiap pembangunan sistem mengambil kira penyediaan API serta semua pembangunan sistem oleh Agensi-agensi Kerajaan menyediakan API.
23	Menyelaraskan dan memacu pembangunan Pahang Integrated Command Centre (PICC) sebagai pusat pemantauan digital.	Pemantauan dan seliaan dapat dipermudahkan sekaligus mempercepat proses membuat keputusan berdasarkan analisis data raya dan simulasi secara masa nyata ( <i>real-time</i> ).
24	Membangunkan <i>war room</i> untuk pemantauan hutan.	1,000 usahawan dan pekerja dalam industri gig ekonomi dilahirkan.



---

## PENGOPTIMUM HASIL KERAJAAN

Bagi memastikan kelestarian dan kelancaran sesuatu pentadbiran, hasil pendapatan negeri yang menjadi tunggak utama perlu dititikberatkan oleh semua pihak. Perancangan yang utuh dan kukuh perlu dijalankan bagi merealisasikan aspirasi ini.

Dalam strategi pertama, Pengoptimuman Hasil Kerajaan, lima (5) Inisiatif diperkenalkan dan perlu dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bagi membantu kerajaan meningkatkan hasil pendapatan. Semua inisiatif ini seiring dengan Pelan Digital Pahang melalui penawaran perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan.

## MEMPERKASA SISTEM PEROLEHAN DIGITAL NEGERI PAHANG UNTUK KEGUNAAN PBT DAN BADAN-BADAN KERAJAAN

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memusatkan kesemua perolehan atau tender daripada pelbagai Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam satu platform.</li> </ul>	Pejabat Kewangan Negeri
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kecekapan proses perolehan, menambah baik kualiti perkhidmatan serta menjana hasil pendapatan yang lebih banyak.</li> </ul>	Fasa 2 (2022-2023)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Perolehan Digital menjadi medium pengiklanan tender Agensi-agensi Kerajaan mahupun PBT.</li> <li>Proses penilaian tender dijalankan secara atas talian.</li> <li>Petender boleh memilih tender yang berkaitan dengan kod bidang masing-masing seterusnya membeli dokumen tender dan menghantar dokumen tender secara atas talian kepada agensi tersebut.</li> <li>Keputusan pemenang tender turut dimaklumkan melalui pautan sistem bagi memastikan proses tender lebih telus dan beretika.</li> </ul>	

## MEMPERKENALKAN PAHANGCERT UNTUK MENTRANSFORMASIKAN URUSAN LESEN, PERMIT DAN SIJIL

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendigitalkan semua proses permohonan serta pengeluaran lesen, permit dan sijil.</li> </ul>	Unit Korporat
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penginovasian proses dokumentasi dan proses pengesahan di peringkat Penguatkuasaan Kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Portal PahangCert akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti kod QR yang perlu diimbas untuk tujuan pengesahan serta teknologi RFID untuk tujuan penguatkuasaan. Penggunaan PahangCert dalam mencetak lesen, permit dan sijil adalah meluas meliputi Agensi-agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan serta Agensi Penyelaras dan Institusi Pendidikan.</li> </ul>	

SASARAN	Fasa 1: Semua Agensi Kerajaan Negeri Fasa 2: PBT dan Badan Berkanun
---------	--

SASARAN	Badan-badan Kerajaan, PBT dan GLC
---------	-----------------------------------

## MEWUJUDKAN SISTEM BIDAAN DIGITAL UNTUK KEGUNAAN SEMUA AGENSI KERAJAAN NEGERI PAHANG

## MEWUJUDKAN SISTEM SEMAKAN TUNGGAKAN BAYARAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERPUSAT

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan setiap urusan bidaan adalah cekap, telus dan saksama.</li> </ul>	Pejabat Kewangan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan Agensi Kerajaan dan rakyat menyemak sebarang tunggakan bayaran perkhidmatan.</li> <li>Memperkenalkan sistem semakan tunggakan bayaran perkhidmatan kerajaan berpusat.</li> <li>Meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui tunggakan bayaran perkhidmatan.</li> </ul>	Pejabat Kewangan Negeri		
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjimatan tempoh serta masa bidaan melalui proses membida yang berstruktur seterusnya mengoptimumkan hasil Kerajaan Negeri.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan tunggakan di pelbagai Agensi Kerajaan menjadi mudah sekaligus meningkatkan kutipan hasil kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)		
PENERANGAN INISIATIF					
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan melancarkan urusan bidaan dengan membangunkan platform bidaan yang lebih sistematik.</li> <li>Pembida dapat meneliti senarai aset bidaan dan pembida yang berjaya akan turut dimaklumkan melalui sistem bidaan ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan Agensi Kerajaan menyemak sebarang rekod tunggakan perkhidmatan bagi rakyat Negeri Pahang.</li> <li>Pengguna (rakyat) pula boleh memuat turun sijil digital sebagai pengesahan bebas tunggakan. Sekiranya terdapat tunggakan, pengguna akan dimaklumkan dan perlu membuat bayaran segera sebelum meneruskan sebarang urusan dan transaksi.</li> <li>Sebagai contoh, sistem ini boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah tunggakan cukai tanah bernilai RM 90.67 juta dan tunggakan kompaun MBK yang bernilai RM 19.6 juta.</li> </ul>				
SASARAN	Semua Agensi Kerajaan Negeri		SASARAN	Semua Agensi Kerajaan Negeri	

## PLATFORM PEMBAYARAN PARKIR SECARA DIGITAL SEBAGAI ALTERNATIF

## PERLAKSANAAN SISTEM e-PELABURAN

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan transaksi pembayaran dengan sistem atas talian yang lebih menjimatkan masa.</li> <li>Meningkatkan hasil pendapatan melalui proses pembelian kupon parkir digital.</li> <li>Menjana laporan pendapatan hasil daripada parkir yang lebih tersusun dalam sistem big data.</li> </ul>	Pahang Go	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan sistem e-Pelaburan baharu yang lebih dinamik, komprehensif dan menyeluruh sejajar dengan keperluan memperkuatkannya sistem penyampaian kerajaan terutamanya Bahagian Pelaburan dan Penswastaan Negeri Pahang</li> </ul>	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pahang Go sebagai peneraju aplikasi pembayaran parkir digital.</li> <li>500,000 pengguna menggunakan aplikasi PahangGo dengan aktif untuk membuat pembayaran parkir.</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan perlaburan luar yang lebih teratur, sistematik dan efisien</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembelian kupon boleh dilakukan melalui aplikasi PahangGo secara harian, bulanan mahupun tahunan.</li> <li>Pembayaran kompaun parkir juga boleh dibuat melalui aplikasi PahangGo.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan sistem pelaburan atas talian merangkumi fungsi-fungsi berikut:           <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendaftaran perlaburan</li> <li>2. Pemantauan</li> <li>3. Pengurusan dokumen</li> <li>4. Pelaporan</li> <li>5. Integrasi luar</li> </ol> </li> </ul>	
SASARAN	Bandar-bandar tumpuan seperti Bandaraya Kuantan, Cameron Highlands, Bentong, Pekan, Jerantut dan Raub	SASARAN	Pelabur-pelabur luar Negeri Pahang



## PEMERKASAAN/PERKASA TADBIR URUS & KOMPENTENSI

Antara sasaran utama kerajaan adalah untuk mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Melalui strategi pemerkasaan tadbir urus dan kompetensi, proses pendigitalan dalam pentadbiran negeri berupaya ditambah baik dan diperkasa seterusnya memanfaatkan jutaan rakyat negeri ini.

Prinsip Tadbir Urus yang cemerlang pastinya memberi penekanan kepada konsep etika, ketelusan, akauntabiliti serta integriti yang efektif dan berkesan sekaligus memudahkan urusan semua pihak meliputi kerajaan, pemain industri, penjawat awam mahupun masyarakat.

**PENGAPLIKASIAN SISTEM PENGURUSAN PRESTASI NEGERI PAHANG (MyPrestasi) TERHADAP JABATAN-JABATAN KERAJAAN**

**MELAKSANAKAN SISTEM PENGURUSAN KAKITANGAN & PELAWAT DI KOMPLEKS KERAJAAN**

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan suatu sistem bersepada untuk merancang, mengurus, melaksana, dan menilai pencapaian serta prestasi Agensi-agensi Kerajaan melalui tempoh masa yang telah ditetapkan.</li> </ul>	Unit Korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan aplikasi pengurusan kehadiran untuk digunakan oleh kakitangan dan pelawat yang datang ke Kompleks Kerajaan.</li> <li>Mewujudkan suasana yang sihat, kondusif dan selamat dengan mengetahui maklumat individu yang berada di dalam Kompleks Kerajaan.</li> </ul>	Pahang GO
HASIL	CARIS MASA	HASIL	CARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau serta mengenal pasti prestasi Agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri Pahang bagi meningkatkan kualiti tadbir urus dengan lebih berkesan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan dalam kalangan kakitangan dan pelawat supaya tidak menjajaskan operasi perkhidmatan di kompleks kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan menyediakan sistem penilaian prestasi holistik untuk mengukur tahap prestasi sesuatu organisasi dan jabatan dalam melaksanakan projek-projek strategik.</li> <li>Prestasi kemajuan Agensi-agensi Negeri Pahang dapat diukur secara cekap dan proses pemantauan dapat dilakukan secara terperinci terhadap sesuatu projek atau tugas.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini untuk mengawal kuota kemasukan dan juga memudahkan proses merekod keluar masuk pelawat yang datang ke kompleks kerajaan.</li> <li>Aplikasi ini mempunyai fungsi pengecaman wajah, pra-daftar pelawat, tetapan kuota pelawat dan lain-lain yang dapat membantu pengurusan kehadiran untuk digunakan oleh kakitangan dan pelawat.</li> </ul>	
SASARAN	Agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri, GLC Pahang	SASARAN	Pejabat SUK, PBT dan Agensi Kerajaan

## MEMPROMOSIKAN PERKHIDMATAN DRON SECARA BERPUSAT UNTUK AGENSI KERAJAAN/GLC

## MENGAWAL SELIA KENDERAAN RASMI KERAJAAN & GLC SECARA DINAMIK SERTA MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGGUNAAN

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan teknologi dron sebagai inisiatif dan keperluan dalam perkhidmatan kerajaan.</li> <li>Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk Agensi Kerajaan/ GLC dengan menggunakan teknologi terkini.</li> </ul>	Pahang Skills	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau dan mempertingkatkan kecekapan penggunaan kenderaan kerajaan dengan lebih berstruktur.</li> </ul>	Pahang Corp
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkasakan penggunaan teknologi dron untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk dalam pelbagai sektor bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendigitalkan proses-proses pengurusan dan pemantauan kenderaan kerajaan dengan lebih efisien.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2025)
PENERANGAN INISIATIF	PENERANGAN INISIATIF		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk menyelaraskan perkhidmatan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dron dalam kalangan Agensi Kerajaan dan GLC.</li> <li>Latihan-latihan kemahiran pengendalian dan pengoperasian UAV Dron akan dijalankan secara komprehensif oleh Penyedia Latihan yang diiktiraf kepada agensi-agensi yang berkaitan.</li> <li>Perkhidmatan dron akan dimanfaatkan di dalam pelbagai bidang seperti, pertanian, pemetaan, penghutanan dan sebagainya.</li> </ul>	<p>Bertujuan membangunkan sistem pengurusan kenderaan kerajaan yang komprehensif dengan mewujudkan elemen-elemen berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem pengurusan minyak</li> <li>Keupayaan pengesanan lokasi</li> <li>Kaedah keselamatan kenderaan</li> <li>Penyelenggaraan kenderaan</li> <li>Data pengurusan pemandu</li> </ul> <p>Melalui sistem ini, informasi penggunaan setiap kenderaan kerajaan akan dipantau secara telus dan kemas.</p>		
SASARAN	Pejabat SUK, PBT, GLC dan Agensi Kerajaan	SASARAN	300 buah kenderaan milik Agensi Kerajaan Pahang

## MEWUJUDKAN POSISI KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO) BAGI MELANCARKAN PROSES PENDIGITALAN SEJAGAT

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melantik seorang Ketua Pegawai Digital (CDO) di setiap Agensi Kerajaan.</li> </ul>	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di setiap agensi/jabatan Kerajaan dan Syarikat berkaitan kerajaan
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melonjakkan kualiti penyelarasan digital di peringkat jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan memperbaharui peranan Ketua Pegawai Maklumat di Jabatan dan Agensi Kerajaan kepada Ketua Pegawai Digital (CDO) dalam hieraki penggunaan tertinggi.</li> <li>CDO berperanan dalam perkara berkaitan teknologi digital, infrastruktur data, tadbir urus data, analitis data, literasi digital, data terbuka termasuklah teknologi pintar.</li> </ul>	

## MENAMBAH BAIK KEMAHIRAN DIGITAL PENJAWAT AWAM BAGI MEMACU PENTADBIRAN DIGITAL YANG KOMPREHENSIF

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerapkan budaya celik IT dalam kalangan penjawat awam tanpa mengira gred dan skim perkhidmatan termasuklah Pengurusan Tertinggi.</li> <li>Meningkatkan kemahiran digital bagi memudahkan proses pendigitalan pentadbiran kerajaan.</li> </ul>	Pahang Skills
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjawat awam mampu mengendalikan peralatan, aplikasi, perisian dengan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga luar sekaligus meningkatkan kecekapan perkhidmatan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan latihan-latihan secara komprehensif dan berterusan kepada penjawat awam.</li> <li>Latihan kemahiran seperti penggunaan perisian, peralatan, aplikasi dan juga kemahiran teknikal digital akan dianjurkan secara berkala.</li> <li>Dengan meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan penjawat awam, produktiviti dan kadar kecekapan penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan.</li> </ul>	
SASARAN	
Agensi Kerajaan / Jabatan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan / syarikat Berkaitan Kerajaan	500 Penjawat Awam

## MENGASASKAN MAJLIS DIGITAL NEGERI PAHANG (PAHANG DIGITAL COUNCIL) DEMI MEMACU PERTUMBUHAN DIGITAL YANG LEBIH STRATEGIK

OBJEKTIF	PENERAJU
Mewujudkan organisasi khas yang terdiri daripada :- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peneraju bagi setiap inisiatif yang telah dibentangkan dalam pelan digital</li> <li>• Barisan penasihat yang terdiri daripada wakil Pengurusan Tertinggi Kerajaan dan pemain industri digital Negeri Pahang.</li> </ul>	Unit Digital Negeri Pahang
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan Pelan Digital yang lebih tersusun dan fleksibel selari dengan teknologi terkini di samping merancang, meneliti dan memenuhi keperluan digital masyarakat.</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau pelaksanaan pelan digital dan meluluskan sebarang pindaan yang terdapat dalam pelan digital.</li> <li>• Bertanggungjawab menyediakan laporan digital kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).</li> <li>• Bertindak sebagai platform interaksi antara kerajaan dan pemain industri digital.</li> <li>• Menjalankan mesyuarat dua kali setahun bagi menilai perkembangan projek digital Negeri Pahang, melakukan penambahbaikan serta mengambil tindakan progresif dalam meminimumkan permasalahan berbangkit.</li> </ul>	
SASARAN	
Kerajaan Negeri Pahang, pihak-pihak pelaksana Industri Digital, pemain industri dan masyarakat awam	

## MENGGABUNGKAN SISTEM e-RAKYAT BAGI SISTEM e-BANTUAN, e-BANJIR

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengemaskini portal bantuan rakyat dengan senarai maklumat yang terkini.</li> <li>• Memudahkan proses penyaluran dana dan bantuan kerajaan kepada rakyat.</li> </ul>	Bahagian Teknologi Maklumat
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghasilan sistem data dan perisian maklumat bantuan kerajaan, merangkumi golongan kurang pendapatan dan yang terkesan.</li> </ul>	Fasa 1 (2021-2022)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan satu platform yang dapat mengumpulkan bantuan-bantuan kerajaan.</li> <li>• Memudahkan rakyat untuk membuat semakan tentang senarai bayaran bantuan yang diperolehi.</li> <li>• Memudahkan NGO menyalurkan bantuan.</li> </ul>	
SASARAN	
Rakyat Negeri Pahang	


## MENYOKONG PELAKSANAAN BANDAR PINTAR SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN DIGITAL

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi sokongan yang jitu kepada sebarang cadangan projek yang bermatlamatkan pembangunan bandar pintar.</li> <li>Mempercepatkan perlaksanaan bandar pintar di Negeri Pahang.</li> </ul> <p>Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan memudahkan cara sebarang cadangan projek yang mempunyai elemen bandar pintar seperti infrastruktur pintar, pembangunan harta tanah berdasarkan teknologi hijau, aplikasi komuniti pintar dan pendigitalan sektor kerajaan.</p>	Bahagian Kerajaan Tempatan
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyelaras dan pemantauan projek-projek bandar pintar dan teknologi hijau di peringkat kerajaan.</li> </ul>	Fasa 3 (2025)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Kerajaan Tempatan dan Pejabat SUK akan menyelaraskan semua cadangan dan inisiatif berkaitan bandar pintar seperti infrastruktur pintar, pembangunan harta tanah berdasarkan teknologi hijau, aplikasi komuniti pintar, pendigitalan sektor kerajaan untuk dilaksanakan di bandar-bandar di Negeri Pahang.</li> <li>Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan memberi sokongan kepada cadangan-cadangan tersebut di samping menawarkan insentif dan kaedah untuk memudahkan perlaksanaan.</li> </ul>	
SASARAN	Para pemaju bandar pintar di seluruh Negeri Pahang



## MENYOKONG PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN POKOK PINTAR

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai salah satu elemen dalam inisitif pengurusan Bandar Pintar.</li> <li>Mengawal, memantau dan menguruskan pokok-pokok disekitar bandar-bandar terutamanya yang mempunyai nilai sejarah dan estetika yang tinggi.</li> </ul>	Jabatan Pertanian & Jabatan Hutan
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pokok-pokok bernilai tinggi di bandar-bandar serta lokasi tumpuan pelancong akan bebas dari ancaman penceroboh, ancaman perubahan cuaca, perubahan bentuk muka bumi, tanah runtuh, penyakit serta makhluk perosak.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pokok-pokok yang bernilai tinggi, akan dilengkapi peralatan pengawasan seperti kamera litar tertutup, pengesan jarak jauh (remote sensor) pelbagai jenis yang peka kepada perubahan suhu, cuaca, kelembapan serta kehadiran virus atau kuman. Ia juga akan dipasang kamera berteknologi LiDAR bagi memetakan secara tepat bentuk dan saiz pokok. Teknologi drone juga akan digunakan bagi mendapatkan data cerapan dari atas keadaan pokok dan kawasan sekeliling.</li> <li>Semua data yang dikumpulkan, yang terdiri dari pelbagai bentuk dan jenis ini akan dianalisis menggunakan teknologi Ai bagi membantu pihak berkuasa menjaga serta menguruskan pokok-pokok tersebut dengan cara memaklumkan sebarang perubahan atau ancaman yang mungkin akan berlaku serta mengoptimalkan penggunaan sumber.</li> </ul>	
SASARAN	Para pemaju bandar pintar di seluruh Negeri Pahang



## PENGANJURAN PASAR MALAM / PASAR TANI LESTARI & PINTAR



### OBJEKTIF

- Mewujudkan pengurusan pasar malam dan pasar tani yang pintar dan lestari dari segi penggunaan sumber, pengurusan sampah, pengurusan penjual dan pengunjung serta pelaksanaan transaksi tanpa tunai.

### PENERAJU

Majlis Bandaraya Kuantan dan akan diikuti lain-lain PBT

### HASIL

- Secara berperingkat semua pasar malam, pasar tani, pasar hujung minggu di seluruh Negeri Pahang akan mengadaptasi sistem pengurusan yang pintar dan sistem operasi yang lestari.

### GARIS MASA

Fasa 1 & 2  
(2021-2024)

### PENERANGAN INISIATIF

- Pengurusan tapak jualan yang sistematik bermula daripada proses memohon tapak, memantau, mendapatkan maklumbalas sehingga proses menghantar laporan kepada pihak berkuasa tempatan. Adaptasi digital adalah dari segi proses memohon tapak, pemilihan peniaga dan penggunaan sistem bayaran tanpa tunai. Budaya lestari yang diterapkan pula adalah seperti penggunaan plastik mesra alam, tiada straw plastik dan bekas polistrerin yang digunakan oleh peniaga.

### SASARAN

Para pemaju bandar pintar di seluruh Negeri Pahang



## PENGUKUHAN KUALITI PERKHIDMATAN KERAJAAN

Perkhidmatan yang berkualiti bakal menjamin proses yang lebih teratur dan berstruktur. Melihat kepada kemajuan teknologi yang pesat berkembang, sesebuah kerajaan juga haruslah beradaptasi dengan penggunaan teknologi terkini dalam melicinkan proses perkhidmatan lantas memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna dan rakyat. Dalam mewujudkan sebuah negeri digital, semua tabir urus wajar mengorak langkah ke arah pendigitalan dan membangunkan perkhidmatan berteraskan Revolusi Industri 4.0.

Melalui pendigitalan perkhidmatan kerajaan, rakyat dapat melakukan urusan dalam waktu yang lebih singkat dan boleh dilakukan di mana sahaja. Produktiviti juga dapat dipertingkatkan apabila urusan perkhidmatan mula beradaptasi dengan teknologi baharu sekaligus membudayakan komuniti teknologi.

## MENDIGITALKAN HAL EHWAL PENGURUSAN TANAH NEGERI PAHANG (e-TANAH) SECARA HOLISTIK

## MENDIGITALKAN PENGURUSAN MINERAL NEGERI PAHANG

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengautomasikan urusan hal ehwal tanah dengan lebih inklusif untuk kegunaan dalaman Pejabat Tanah dan Galian Pahang.</li> </ul>	Pejabat Tanah dan Galian Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengoptimumkan hasil pengeluaran mineral melalui sebuah sistem pengurusan digital yang cekap dan berinovasi.</li> </ul>	Pahang Mining Corporation
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan kualiti perkhidmatan pengurusan tanah secara menyeluruh.</li> <li>Pengaplikasian penuh sistem e-Tanah terhadap proses kerja PTG dan PDT.</li> </ul>	Fasa 2 (2022-2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurangan ketirisan dalam kutipan hasil kerajaan, memperkasakan sistem dan melicinkan proses pengeluaran mineral.</li> <li>Kesemua tapak pengeluaran mineral bakal menggunakan sistem ini dan memudahkan urusan berkaitan mineral.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2024)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan sistem digital bagi mengawal selia hal ehwal tanah Negeri Pahang.</li> <li>Perlaksanaan akses adalah secara berpusat dan diuruskan oleh PTG Pahang.</li> <li>Sistem digital yang baharu bakal mempercepatkan urusan PTG dan juga memudahkan urusan pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan PTG Pahang.</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan lesen pengeluaran mineral boleh dilakukan melalui sistem digital yang baharu.</li> <li>Permit kebenaran melombong boleh didapatkan menerusi sistem atas talian.</li> <li>Proses pengurusan fi dan pengiraan royalti boleh dijalankan secara atas talian.</li> <li>Kaedah pengeluaran dan pemantauan dokumen perjalanan (Borang 13D) secara digital bakal diperkenalkan.</li> <li>Teknologi pemprosesan data masa nyata mampu memantau dan mengawal selia tindakan pelombong dan pergerakan pengangkutan.</li> </ul>
SASARAN	Pengaplikasian penuh sistem e-Tanah terhadap proses kerja PTG dan PDT	SASARAN	Pelombong mineral serta pengurusan pentadbiran mineral peringkat Negeri Pahang

## MEWUJUDKAN SISTEM HASIL DAN PERAKAUNAN BERPUSAT UNTUK PIHAK BERKUASA TEMPATAN (e-PBT)

## MENCIPTA INOVASI BAHARU DENGAN MEMPERKENALKAN IDENTITI DIGITAL KHAS NEGERI PAHANG (PahangID)

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan sistem berpusat yang menguruskan hasil dan perakaunan yang menyeluruh dan selaras untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan.</li> </ul>	BKT SUK Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempermudahkan urusan perkhidmatan kerajaan sama ada menerusi kaunter atau perkhidmatan atas talian melalui kaedah Pendaftaran Tunggal (<i>Single Sign On</i>) di samping membantu Kerajaan Negeri untuk memahami profil rakyat Negeri Pahang dengan lebih dekat.</li> </ul>	Pahang GO
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kecekapan pemantauan dan pengurusan hasil Pihak Berkuasa Tempatan dapat dipertingkatkan.</li> </ul>	Fasa 1 (2023-2025)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkasa kecekapan pentadbiran dan memudahkan urusan masyarakat dengan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Pahang.</li> </ul>	Fasa 2 (2023-2024)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>PBT yang tidak mempunyai sistem sendiri akan menerima manfaat apabila satu sistem hasil dan perakauan berpusat dibangunkan.</li> <li>PBT yang terlibat akan membayai kos pembangunan sistem tersebut dengan kaedah langganan yang tidak membebankan.</li> <li>Sistem ini akan mengintegrasikan pelbagai fungsi seperti sistem pembayaran dan sistem penguatkuasaan PBT bagi meningkatkan kecekapan pemantauan dan pengurusan hasil.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>PahangID merupakan satu inovasi terhadap maklumat pengenalan diri digital. PahangID boleh digunakan oleh masyarakat ketika menjalankan urusan dengan Agensi Kerajaan serta swasta. PahangID berupaya mengesahkan semua maklumat peribadi pengguna ketika menjalankan urusan rasmi.</li> <li>Aplikasi PahangGO akan mengesahkan maklumat peribadi melalui teknologi eKYC dan maklumat ini akan diintegrasikan dengan data yang diperolehi daripada agensi lain bagi melengkapkan maklumat setiap rakyat Pahang.</li> </ul>	
SASARAN		SASARAN	
Fasa 1: 3 PBT  Fasa 2: 4 PBT		10 Agensi/GLC	

## MEWUJUDKAN AKADEMI SUKAN E-SPORT

## MEMASTIKAN SEMUA PERKHIDMATAN ADALAH SECARA ATAS TALIAN DAN TANPA KERTAS MENJELANG 2025

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaras pertandingan e-Sport dan pengurusan kelab-kelab e-Sport di dalam Negeri Pahang.</li> <li>Mempromosikan e-Sport sebagai pilihan kerjaya kepada anak muda.</li> <li>Menyediakan latihan dan insentif kepada atlet dan kepada pemain-pemain e-Sport.</li> </ul>	Majlis Sukan Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membudayakan penggunaan semua perkhidmatan secara atas talian bagi mempercepatkan urusan kerajaan menjelang tahun 2025.</li> </ul>	Pahang Go
HASIL	CARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>e-Sport diterima sebagai satu cabang sukan yang berpotensi sama seperti sukan-sukan lain.</li> <li>500 pemain dan 5 kelab e-Sport profesional dilahirkan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan serta mempelbagaikan saluran pembayaran Kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini dapat meningkatkan dan mengasah bakat dan kemahiran remaja-remaja yang mempunyai minat yang tinggi dalam sukan e-Sport.</li> <li>Kerajaan akan memainkan peranan yang lebih proaktif untuk membangunkan dan mengembangkan ekosistem e-Sukan ke arah yang lebih positif dan inklusif.</li> </ul>		<p>Inisiatif ini bertujuan untuk menambahbaik gerbang pembayaran Kerajaan melalui penggunaan aplikasi PahangGo dan portal pembayaran FPX Kerajaan. Antara pembayaran yang boleh dilakukan terhadap Agensi Kerajaan menerusi aplikasi PahangGo adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan dan Pembayaran Kompaun Parkir</li> <li>Semakan dan Pembayaran Utiliti Air (PAIP)</li> <li>Semakan dan Pembayaran Kompaun Kerajaan</li> <li>Semakan dan Pembayaran Zakat</li> <li>Carian Hak Milik Tanah melalui pautan Pejabat Tanah dan Galian</li> </ul> <p>Kerajaan Negeri juga akan menyediakan semua perkhidmatan secara atas talian dan tanpa kertas untuk semua urusan di kaunter dan pengurusan dalam organisasi.</p>	
SASARAN	Belia dan remaja Negeri Pahang	SASARAN	Rakyat Pahang dan Agensi Kerajaan



---

## PEMANFAATAN PERKONGSIAN DATA

Menerusi Revolusi Industri 4.0, pelbagai manfaat dapat dinikmati seiring dengan perkembangan teknologi baharu yang semakin inovatif. Pemanfaatan data dan perkongsian terbuka merupakan salah satu daripada faedah Revolusi Industri dan kesemuanya dijalankan secara digital. Konsep capaian di hujung jari dengan menggunakan Data Raya atau Big Data bakal mempercepat, mempermudah serta memperkuatkan tadbir urus dengan lebih berkesan, terutamanya apabila Kerajaan Negeri mempunyai hab data tersendiri dalam mengawal selia data-data yang kompleks.

## MENAMBAH BAIK PERSEKITARAN PERKONGSIAN DATA MELALUI API

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan perkongsian data serta mengurangkan kos membangunkan sistem agar interaksi dan perkongsian dapat dilakukan dengan lebih pantas.</li> </ul>	Bahagian Teknologi Maklumat
HASIL	CARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap pembangunan sistem mengambil kira penyediaan API.</li> <li>Semua pembangunan sistem oleh Agensi-agensi Kerajaan menyediakan API.</li> </ul>	Fasa 1 – Fasa 3 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perkongsian data yang mesra interaksi melalui Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API).</li> <li>Ini adalah selari dengan strategi Pelan MyDigital yang mewajibkan akses data oleh setiap Agensi Kerajaan yang perlu melalui API untuk perkongsian data terkini.</li> </ul>	
SASARAN	Agensi Kerajaan

## MENYELARASKAN DAN MEMACU PEMBANGUNAN PAHANG INTEGRATED COMMAND CENTRE (PICC) SEBAGAI PUSAT PEMANTAUAN DIGITAL

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Pahang Integrated Command Centre (PICC)</i> menjadi pemudah cara kepada Kerajaan Negeri dalam memantau serta menyelia pertumbuhan Negeri Pahang meliputi variasi agensi dan sektor awam.</li> </ul>	Pahang Go
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan dan seliaan dapat dipermudahkan sekaligus mempercepatkan proses membuat keputusan berasaskan analisis data raya dan simulasi secara masa nyata (<i>real-time</i>).</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2023)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan membangunkan sebuah data <i>warehouse</i> yang dilengkapi dengan paparan pemantauan seperti papan pemuka yang membolehkan simulasi data dianalisis dengan lebih mudah.</li> <li>Perancangan untuk menghasilkan pelan-pelan strategik Negeri Pahang boleh dirancang secara sistematik berdasarkan data dan bukti masa nyata.</li> <li>Unit Data Sains di bawah PICC bertanggungjawab menjalankan penyelidikan seperti :-</li> <li>a) Pengkajian berasaskan data dengan mengakses, menganalisis dan menilai data untuk mendapatkan informasi.</li> <li>b) Meramal dan menyelesaikan masalah yang melibatkan set data daripada pelbagai sumber dengan menggunakan alatan dan teknologi terkini.</li> </ul>	
SASARAN	Menghimpunkan dan memusatkan kesemua data hak milik kerajaan, GLC dan PBT ke dalam sistem PICC.

## MEMBANGUNKAN *WAR ROOM* UNTUK PEMANTAUAN HUTAN

<b>OBJEKTIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Membangunkan sistem pemantauan digital yang lebih menyeluruh dan berpusat.</li><li>• Memusatkan informasi daripada pelbagai kaedah bagi memudahkan proses pemantauan dan pengurusan.</li></ul>	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
<b>HASIL</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemantauan dan pengurusan penguatkuasaan yang lebih efektif serta efisien melibatkan pelbagai agensi.</li><li>• Kes penerokaan hutan secara haram dikurangkan sebanyak 50%.</li></ul>	<b>GARIS MASA</b>
	Fasa 2 (2022-2023)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>War Room</i> diwujudkan bagi memantau keadaan hutan-hutan dengan lebih holistik bagi mengekalkan Negeri Pahang sebagai kawasan berhutan di Malaysia.</li><li>• Melalui sistem ini, pengesanan kepada aktiviti yang berlaku dapat dipantau dengan lebih efisien dan tindakan dapat dilakukan dengan lebih.</li><li>• Pemantauan hutan amat penting bagi memelihara sumber flora dan fauna dan mengekang masalah penerokaan hutan secara haram.</li></ul>	
<b>SASARAN</b>	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



"Kerajaan komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian melalui adaptasi digital serta menggalakkan penyertaan rakyat dalam peluang ekonomi digital "

**Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak  
YB. Setiausaha Kerajaan Pahang**



**INKLUSIF DIGITAL**

# BAB 5 - TERAS KETIGA INKLUSIF DIGITAL

## PENDEFINISIAN INKLUSIF DIGITAL ERA MODEN

Inklusif Digital boleh dimanifestasikan sebagai sebuah pendekatan praktikal yang holistik dalam menangani keperluan individu serta komuniti terhadap penggunaan teknologi digital.

Inklusif Digital merangkumi akses kepada internet, ketersediaan perkakasan, perisian, kandungan digital dan perkhidmatan serta latihan kemahiran literasi digital yang diperlukan untuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkesan.

Konsep Inklusif Digital meliputi kaedah menangani isu-isu yang berkaitan dengan literasi digital dan akses kepada ICT. Inklusif Digital juga boleh ditakrifkan sebagai keupayaan individu atau kumpulan untuk mengakses serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Elemen-elemen Inklusif Digital dapat dicerakinkan kepada beberapa bahagian utama :-

- Perkhidmatan Internet Jalur Lebar Yang Berpatutan dan Stabil;
- Peranti Berkebolehan Internet Yang Memenuhi Keperluan Pengguna;
- Akses Kepada Latihan Literasi Digital;
- Sokongan Teknikal Yang Berkualiti; dan
- Aplikasi dan Kandungan Dalam Talian Yang Direka Untuk Meningkatkan Keupayaan Sara Diri, Penyertaan dan Kerjasama.

Justeru, Inklusif Digital haruslah berkembang sejajar dengan kemajuan teknologi global. Inklusif Digital menuntut strategi dan pelaburan yang mapan untuk mengatasi kekangan-kekangan yang wujud dalam usaha mengakses dan menggunakan teknologi.


## TERAS INKLUSIF DIGITAL

Teras strategik yang menjadi tunggak ketiga dalam Pelan Tindakan Pahang Digital ini merupakan inisiatif untuk memastikan seluruh rakyat Negeri Pahang menyambut mesra pelan digitalisasi lantas meletakkan pendigitalan sebagai salah satu keperluan asas manusia seperti air, elektrik, makanan dan sebagainya. Selain itu, etika penggunaan teknologi digital amatlah dititikberatkan bagi melahirkan masyarakat digital yang bertanggungjawab.

Strategi dan inisiatif yang menjadi dasar kejayaan teras Inklusif Digital adalah seperti berikut :

INKLUSIF DIGITAL		
NO.	INISIATIF	HASIL
1	Memperkenalkan aplikasi PahangGo secara terus menerusi projek <i>Road Tour Digital</i> .	Pengadaptasian aplikasi PahangGo secara menyeluruh dalam kalangan rakyat Negeri Pahang.
2	Membangunkan e-Risalah Pahang Digital sebagai wadah penyampaian maklumat.	Penyediaan e-Risalah secara berkala (suku tahunan, bulanan) yang mengandungi informasi serta hebahan umum berkaitan pendigitalan, teknologi terkini dan perkhidmatan digital tempatan.
3	Memangkin ketersediaan dan kefahaman rakyat melalui penganjuran Pahang Digital Summit.	Penganjuran <i>Digital Summit</i> secara tahunan melibatkan 50 penggiat industri digital dan meraikan 10 pembentang daripada industri-industri terpilih.
4	Persidangan Kerajaan Digital bagi meningkatkan kesedaran Digital.	Kakitangan kerajaan yang lebih peka dengan perkembangan teknologi terkini industri digital bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan.
5	Penglibatan generasi muda dalam program bakat digital.	Penganjuran Program Bakat Digital melibatkan 1,000 peserta daripada 30 sekolah, 5 pusat pengajian tinggi dan 3 organisasi bukan kerajaan.
6	Membangunkan komuniti wifi setempat untuk meluaskan jalur lebar.	300 lokasi komuniti wifi di seluruh Pahang diwujudkan.
7	Keprihatinan komuniti digital menerusi program sumbangan kasih digital.	1,000 penerima yang terdiri daripada kumpulan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.
8	Mewujudkan usaha sama dalam menjayakan pakej digital kumpulan B40.	10,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat komunikasi (Celcom, Digi & Maxis).
9	Memperkasa surau/masjid sebagai institusi digital Ummah ( <i>myKariah</i> ).	Mendigitalkan semua surau dan masjid seluruh Pahang (600 buah) dan mengumpulkan 6,000 data kariah secara tahunan.

INKLUSIF DIGITAL		
NO.	INISIATIF	HASIL
10	Menyediakan program keselamatan siber dan etika media sosial dalam kalangan komuniti.	Menganjurkan 4 program tahunan dan kempen berterusan melibatkan pelbagai Agensi Kerajaan, Organisasi Bukan Kerajaan, Persatuan Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi.
11	Semarak budaya digital menerusi pengajuran Anugerah Digital Pahang.	Program tahunan melibatkan 20 kategori anugerah dengan penglibatan 1,000 pencalonan penerima anugerah.
12	Membina dan memperkasa pusat perkembangan usahawan digital yang bersepadu.	Pusat perkembangan usahawan digital disediakan di Kuantan diikuti dengan cawangan di daerah-daerah di Negeri Pahang yang melibatkan insentif daripada 5 Agensi Kerajaan.
13	Menggalakkan peluang digitalisasi melalui gig ekonomi dan solusi digital.	Pusat perkembangan usahawan digital disediakan di Kuantan diikuti dengan cawangan di daerah-daerah di Negeri Pahang yang melibatkan insentif daripada 5 agensi kerajaan.



---

## KESEDARAN DIGITAL MEMUDAHKAN ADAPTASI & AKSES KEPADA TEKNOLOGI

Demi memupuk masyarakat membangun yang lebih celik teknologi, usaha yang berterusan perlu dijalankan agar setiap daripada kita mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan komuniti di negara maju. Inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah berfokus kepada elemen kesedaran digital seterusnya memudahkan pengaplikasian teknologi terkini dalam kalangan rakyat. Ilmu pengetahuan serta informasi adalah pasak kepada keberhasilan sesuatu tindakan. Justeru, tindakan memahamkan rakyat adalah suatu tindakan yang progresif seiring dengan pelaksanaan teknologi terkini dalam kehidupan sejagat.

<b>MEMPERKENALKAN APLIKASI PAHANGGO SECARA TERUS MENERUSI PROJEK ROAD TOUR DIGITAL</b>		<b>MEMBANGUNKAN E-RISALAH PAHANG DIGITAL SEBAGAI WADAH PENYAMPAIAN MAKLUMAT</b>	
<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PENERAJU</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempromosikan aplikasi PahangGo sebagai aplikasi digital Negeri Pahang sekaligus berupaya meningkatkan kadar penggunaan aplikasi dalam kalangan masyarakat.</li> </ul>	Pahang Go UKOMP SKMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyampaikan intipati serta inisiatif pelan digital dengan lebih berkesan dan strategik</li> </ul>	Pahang Go UKOMP
<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>HASIL</b>	<b>GARIS MASA</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengadaptasian aplikasi PahangGo secara menyeluruh dalam kalangan rakyat Negeri Pahang.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2023)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan e-Risalah secara berkala (suku tahunan, bulanan) yang mengandungi informasi serta hebahan umum berkaitan pendigitalan, teknologi terkini dan perkhidmatan digital tempatan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022)
<b>PENERANGAN INISIATIF</b>		<b>PENERANGAN INISIATIF</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan menjadikan aplikasi PahangGo sebagai medium digital yang menyeluruh kepada rakyat sekaligus memperbaiki mutu perkhidmatan seterusnya melonjakkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri.</li> <li>Memperkenalkan aplikasi PahangGo yang holistik kepada masyarakat.</li> <li>Menambah baik servis aplikasi PahangGo dalam menjadikannya sebagai pusat sehenti kepada rakyat di Negeri Pahang.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan menerbitkan rangka pelan tindakan dalam bentuk elektronik bagi memudahkan hebahan dan sebaran secara interaktif kepada semua lapisan masyarakat.</li> <li>e-Risalah berkenaan pelan keseluruhan juga dapat diwujudkan secara digital dan dimuat turun melalui laman web Agensi Kerajaan serta kiosk terdekat.</li> </ul>	
<b>SASARAN</b>	Orang awam berdasarkan kepelbagaiannya lokality/ umur/ latar belakang pekerjaan	<b>SASARAN</b>	Masyarakat Awam

## MEMANGKIN KETERSEDIAAN DAN KEFAHAMAN RAKYAT MELALUI PENGANJURAN PAHANG DIGITAL SUMMIT

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkemas siri penerangan Pahang Digital secara komprehensif melalui pelbagai medium bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat.</li> </ul>	Pahang Go

HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Digital Summit secara tahunan melibatkan 50 penggiat industri digital dan meraikan 10 pembentang daripada industri-industri terpilih.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2023)

PENERANGAN INISIATIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan memberikan penjelasan dengan lebih terperinci tentang peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam merealisasikan aspirasi Pelan Digital.</li> <li>Kefahaman yang jitu akan memudahkan lagi proses penerimaan masyarakat seterusnya menjadi pemudah cara kepada kerajaan untuk merancakkan sektor pendigitalan di Negeri Pahang.</li> </ul>

SASARAN
Masyarakat serta pemain industri

## PERSIDANGAN KERAJAAN DIGITAL BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN DIGITAL

OBJEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran persidangan Kerajaan Digital melibatkan Agensi-agensi Kerajaan seluruh Malaysia bagi memperkenalkan teknologi terkini untuk diadaptasi dalam perlaksanaan inisiatif kerajaan digital.</li> </ul>


HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kakitangan kerajaan yang lebih peka dengan perkembangan teknologi terkini industri digital bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan</li> <li>Memberi peluang kepada penggiat industri memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka</li> </ul>	Fasa 2 (2023)

PENERANGAN INISIATIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Persidangan berskala besar dengan menjemput wakil-wakil penggiat industri digital mempersembahkan produk dan perkhidmatan berkaitan kerajaan kepada Agensi-agensi Kerajaan yang berminat.</li> <li>Wakil Agensi Kerajaan seluruh Malaysia dijemput bagi menilai dan mendapat pendedahan kepada teknologi terkini.</li> </ul>

SASARAN
Penggiat industri digital dan Agensi-agensi Kerajaan seluruh Malaysia

## PENGLIBATAN GENERASI MUDA DALAM PROGRAM BAKAT DIGITAL

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggilap bakat digital dalam kalangan generasi muda.</li> <li>Memberi pendedahan kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan aktiviti inovasi teknologi.</li> </ul>	Yayasan Pahang Pahang Skills
HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Program Bakat Digital melibatkan 1,000 peserta daripada 30 sekolah, 5 pusat pengajian tinggi dan 3 organisasi bukan kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2024)
PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan generasi baharu sebagai inovator digital yang akan memberi manfaat pada masa hadapan.</li> <li>Kursus-kursus kemahiran berkaitan perisian, aplikasi dan teknologi digital akan dianjurkan.</li> <li>Pertandingan-pertandingan untuk membangunkan produk-produk digital sama ada berbentuk aplikasi atau produk fizikal juga akan diadakan.</li> </ul>	
SASARAN	Pelajar sekolah, IPT dan belia





---

## MENINGKATKAN PENYERTAAN RAKYAT DALAM AKTIVITI DIGITAL

Kemapanan teknologi hanya dapat dicapai menerusi pengetahuan serta tindakan yang aktif daripada semua pihak. Kerajaan Negeri Pahang giat membangunkan aktiviti digital selaras hasrat kerajaan untuk meningkatkan penyertaan rakyat. Penyertaan rakyat adalah satu keperluan bagi memastikan segala usaha dan pelan digitalisasi kerajaan disambut baik oleh rakyat sekaligus merealisasikan kejayaan Pelan Digital Pahang. Selain itu, pelbagai pelan tindakan dirangka untuk membantu Kumpulan B40 dan golongan yang memerlukan bagi memastikan semua lapisan masyarakat tidak terkecuali dalam aspirasi digital ini.

## MEMBANGUNKAN KOMUNITI WI-FI SETEMPAT UNTUK MELUASKAN AKSES JALUR LEBAR

OBJEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan masyarakat mendapatkan akses internet di kawasan setempat.</li> </ul>

HASIL
<ul style="list-style-type: none"> <li>300 lokasi komuniti Wi-Fi di seluruh Pahang diwujudkan.</li> </ul>

PENERANGAN INISIATIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan menjadi alternatif kepada masyarakat setempat yang mengalami masalah capaian atau kekangan dalam mendapat liputan internet secara menyeluruh.</li> <li>Beberapa kawasan awam dipilih dan dilengkapkan dengan akses Wi-Fi percuma.</li> <li>Wi-Fi setempat yang disediakan mempunyai capaian yang stabil dan pantas bagi menampung penggunaan masyarakat.</li> </ul>

SASARAN	Kumpulan B40, anak yatim dan keluarga asnaf

## KEPRIHATINAN KOMUNITI DIGITAL MENERUSI PROGRAM SUMBANGAN KASIH DIGITAL

OBJEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina pusat pengumpulan gajet terpakai untuk diagihkan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan.</li> <li>Menyediakan platform untuk masyarakat memberi sumbangan berbentuk peranti digital dan gajet kepada mereka yang memerlukan.</li> </ul>

HASIL
<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000 penerima yang terdiri daripada kumpulan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.</li> </ul>

PENERANGAN INISIATIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini bertujuan untuk memberi bantuan peralatan digital terpakai untuk digunakan oleh masyarakat yang memerlukan.</li> <li>Masyarakat yang mempunyai gajet yang tidak digunakan boleh menghantar gajet tersebut di pusat pengumpulan yang dibina.</li> </ul>

SASARAN	Kumpulan B40, anak yatim dan keluarga asnaf

## MEWUJUDKAN USAHA SAMA DALAM MENJAYAKAN PAKEJ DIGITAL KUMPULAN B40

## MEMPERKASA SURAU / MASJID SEBAGAI INSTITUSI DIGITAL UMMAH (MYKARIAH)

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu golongan kurang berpendapatan seperti kumpulan B40 dalam mendapatkan pelan internet yang berpatutan menerusi kerjasama Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat telekomunikasi.</li> </ul>	SKMM Telco	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melonjakkan fungsi masjid dan surau sebagai institusi agama yang berinovasi menerusi penerapan elemen digital dalam pentadbiran.</li> </ul>	JAIP Yayasan Pahang
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>10,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat komunikasi (Celcom, Digi &amp; Maxis).</li> </ul>	Fasa 1 (2022)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendigitalkan semua surau dan masjid seluruh Pahang (600 buah) dan mengumpulkan 6,000 data kariah secara tahunan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2023)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan kolaborasi dengan syarikat telekomunikasi dan membina usaha sama berkenaan projek penawaran pakej perkhidmatan komunikasi khas bagi golongan B40 Negeri Pahang.</li> <li>Pakej ini merangkumi kadar langganan mampu milik dengan harga pelan data yang berpatutan.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengembangkan aktiviti pengimaranan masjid dan surau dengan menyediakan aplikasi mobil khas bertujuan untuk mendapatkan maklumat kariah serta memudahkan urusan hebatan awam dalam bentuk digital kepada orang awam khususnya ahli kariah. Pengamalan konsep capaian informasi di hujung jari pastinya memanfaatkan jutaan masyarakat Islam di Negeri Pahang.</li> </ul>	
SASARAN	Kumpulan B40	SASARAN	Masjid & Surau-surau terpilih



## MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BUDAYA DIGITAL

Pembudayaan digital harus diterapkan demi memacu keberhasilan digital yang lebih terbuka dan maju. Elemen-elemen pembudayaan digital disokong oleh pemerkasaan keselamatan siber serta pendidikan etika terhadap penggunaan media sosial. Di samping itu, dalam menyemarakkan lagi usaha murni Kerajaan Negeri, suatu inisiatif berbentuk penganugerahan digital bakal diwujudkan bagi menghargai bakat-bakat digital Negeri Pahang lantas membudayakan komuniti digital dengan lebih rancak. Perusahaan Ekonomi Gig pastinya melonjakkan lagi impak penggunaan digital dalam kalangan masyarakat.

## MENJAYAKAN PROGRAM KESELAMATAN SIBER DAN ETIKA MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN KOMUNITI

## SEMARAK BUDAYA DIGITAL MENERUSI PENGANJURAN ANUGERAH DIGITAL PAHANG

OBJEKTIF	PENERAJU	OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan modal insan dalam penggunaan teknologi digital menerusi inisiatif kerajaan membentuk kesedaran dan mempertingkatkan ilmu keselamatan siber dalam kalangan pengguna.</li> </ul>	SKMM Pahang Skills	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengiktiraf usahawan, organisasi, Agensi Kerajaan, GLC dan organisasi bukan kerajaan yang berjaya mengadaptasi budaya digital dalam proses pengurusan dan pengoperasian.</li> <li>Meraikan individu yang berpengaruh di media sosial seperti di laman Facebook, Instagram, Tiktok dan Youtube dalam usaha membudayakan kehidupan digital di Malaysia.</li> </ul>	Unit Korporat SUK
HASIL	GARIS MASA	HASIL	GARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menganjurkan 4 program tahunan dan kempen berterusan melibatkan pelbagai Agensi Kerajaan, Organisasi Bukan Kerajaan, Persatuan Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2023)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program tahunan melibatkan 20 kategori anugerah dengan penglibatan 1,000 pencalonan penerima anugerah.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF		PENERANGAN INISIATIF	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan melaksanakan program-program dan seminar secara berterusan bagi membangunkan kesedaran keselamatan siber melalui pendekatan Rakyat-Swasta-Kerajaan serta mendidik masyarakat berkaitan prinsip etika dan moral dalam penggunaan media sosial.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan mengenal pasti organisasi cemerlang dalam menguruskan dan melakukan adaptasi digital.</li> <li>Menjadikan <i>influencer</i> media sosial sebagai ejen pengembangan digital dan memberi penghargaan kepada figura yang layak.</li> <li>Anugerah Digital Pahang sebagai salah satu platform yang menyemarakkan lagi semangat digital dalam kalangan masyarakat.</li> </ul>	
SASARAN	Semua lapisan masyarakat	SASARAN	Masyarakat Awam/ Agensi Kerajaan/ Agensi Swasta

## MEMBINA DAN MEMPERKASA PUSAT PERKEMBANGAN USAHAWAN DIGITAL YANG BERSEPADU

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan platform untuk membantu usahawan yang ingin mendigitalkan perniagaan mereka.</li> <li>Melahirkan lebih ramai usahawan digital Negeri Pahang pada masa hadapan.</li> </ul>	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
HASIL	CARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat perkembangan usahawan digital disediakan di Kuantan diikuti dengan cawangan di daerah-daerah di Negeri Pahang yang melibatkan insentif daripada 5 Agensi Kerajaan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF	

## MENGGALAKKAN PELUANG DIGITALISASI MELALUI GIG EKONOMI & SOLUSI DIGITAL

OBJEKTIF	PENERAJU
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuka platform yang lebih luas kepada penggiat ekonomi gig tanpa mengira latar belakang pendidikan.</li> <li>Menyediakan insentif dan saluran pemasaran kepada pemain industri ekonomi gig.</li> </ul>	Pahang Go BPEN
HASIL	CARIS MASA
<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000 usahawan dan pekerja dalam industri gig ekonomi dilahirkan.</li> </ul>	Fasa 1 (2022-2025)
PENERANGAN INISIATIF	

SASARAN	
Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	Orang Awam & Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)



# INDUSTRI DIGITAL

## BAB 6 - TERAS KEEMPAT INDUSTRI DIGITAL



### INDUSTRI DIGITAL : KE ARAH PENYEMPURNAAN ASPIRASI PENDIGITALAN

Industri digital merupakan satu inisiatif kerajaan dalam mendigitalkan perindustrian, seiring dengan perkembangan dan revolusi teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor-sektor yang terlibat.

Industri digital merangkumi peningkatan perkhidmatan dalam perindustrian melalui automasi, analisis dan data raya (*big data*), simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik, storan awan, *Internet of Things (IoT)* dan sebagainya.

Melalui digitalisasi ini, pelbagai manfaat dapat diberikan kepada rakyat seperti meluaskan peluang pekerjaan, meningkatkan kualiti kehidupan selain menambah baik fasiliti yang lebih kondusif.

Menurut Statistik Utama Tenaga Buruh Negeri Pahang 2020, kadar pengangguran telah meningkat daripada 2.9% pada 2019, kepada 3.1% pada tahun 2020. Lantas, dengan inisiatif pendigitalan perindustrian ini, dijangka ia bakal menjadi solusi terbaik dalam meningkatkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor di Negeri Pahang menjelang tahun 2025.

Enam (6) sektor diketengahkan dalam teras Industri Digital melalui pelaksanaan Pelan Digital Pahang ini, seperti:

- **Pelancongan dan Rekreasi**
- **Pembinaan dan Hartanah**
- **Pendidikan dan Modal Insan**
- **Pertanian dan Penternakan**
- **Perkilangan**
- **Perniagaan dan Keusahawanan**

## PELANCONGAN DAN REKREASI

Sektor pelancongan merekodkan kemerosotan apabila kadar kehadiran pelancong berkurangan sebanyak 79% pasca Covid-19. Demi menangani kemerosotan ini, sektor pelancongan dan sukan Negeri Pahang bakal mengorak langkah yang lebih progresif dalam memajukan sektor ini menjelang tahun 2025. Penerapan elemen digital dalam industri pelancongan dan sukan sekaligus menyumbang kepada keberhasilan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) negara menjelang 2030. Sistem tempahan dalam talian, pembayaran dalam talian dan pesanan dalam talian merupakan beberapa inisiatif digital yang bakal diimplementasikan dalam industri ini.





## PUSAT RIADAH & REKREASI

TAHAP 1

TAHAP 2

TAHAP 3

<b>Pengurusan Keahlian Kelab</b>	<b>Penempahan Kelas</b>	<b>Pengurusan Kecergasan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan data-data keahlian seperti informasi pengguna, sejarah pembayaran, kedatangan dan sebagainya di dalam satu platform yang sama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan platform tempahan kelas-kelas kesihatan yang lebih spesifik bergantung kepada target kesihatan pengguna.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membenarkan individu untuk menetapkan target kepada setiap aktiviti yang dilakukan seperti jumlah kalori, masa aktiviti dan sebagainya.</li> </ul>
<b>e-Pembayaran</b>	<b>Pendaftaran Masuk Melalui Aplikasi</b>	<b>Pembantu AI</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan pembayaran keahlian secara atas talian di dalam sistem pengurusan kelab.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan pendaftaran masuk ahli-ahli ke kelab dengan hanya menggunakan kod QR yang dicipta secara unik bagi setiap pengguna.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan teknologi kecerdikan buatan atau AI bagi membantu urusan riadah.</li> </ul>
<b>Pengurusan Penempahan Fasiliti</b>	<b>Augmented Reality</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan platform tempahan fasiliti-fasiliti dengan maklumat seperti slot, masa, kapasiti dan jurulatih pilihan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan teknologi AR untuk memberikan latihan kepada pengguna.</li> </ul>	



## PEMBINAAN & HARTANAH

Sektor pembinaan hartanah dan bangunan amat penting dalam memacu perindustrian digital di Negeri Pahang. Menurut Laporan Sosioekonomi Negeri Pahang, Negeri Pahang telah mencatatkan nilai tambahan berjumlah RM 1.7 bilion dalam sektor pembinaan pada tahun 2019.

Dalam usaha menjana pendapatan yang lebih tinggi, sektor pembinaan mesti diintegrasikan dengan teknologi terkini demi menjamin keselamatan awam seterusnya meningkatkan kualiti hidup penduduk. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif digital telah diketengahkan dalam Pelan Digital Pahang dalam memajukan sektor pembinaan sejajar dengan perkembangan teknologi dan digital abad ini.



### Pengurusan Operasi Dan Proses Lapangan

- Pendigitalan operasi dengan menyepadukan modul seperti pengurusan kualiti, penjejakan penyelenggaraan, perancangan tenaga kerja, keselamatan dan kesihatan pekerja serta pengurusan aktiviti ke dalam satu platform.

### Integrasi Sistem Pemeriksa

- Papan pemuka berteraskan konsep 'semua dalam satu' mampu disepadukan dengan alat pemantauan di tapak pembinaan contohnya penderia dan kamera
- Papan pemuka juga digunakan untuk menyediakan data dan imej bagi menjalankan pemeriksaan alat kawalan jauh.

### Sistem Pengurusan Kecacatan Bangunan

- Menjejak dan meramal prestasi keseluruhan dengan menggunakan teknologi peralatan.
- Mengaplikasikan analisis ramalan dan sistem pemantauan membolehkan sektor perniagaan meminimumkan luput operasi dan mengurangkan tenaga serta kos.

### Pengurusan Inventori Digital (Bahan Dan Peralatan)

- Memantau penggunaan serta pergerakan bahan dan peralatan yang terkandung dalam rantai bekalan.
- Menguruskan penawaran dan permintaan bahan serta peralatan sekaligus mencapai pengeluaran tepat pada masanya.

### Pengurusan SPA Digital

- Medium yang menghubungkan pejabat guaman, pemaju dan pembeli bagi memudahkan temu janji serta mampu menandatangani perjanjian secara atas talian.



## PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Dengan perkembangan teknologi dan digitalisasi, elemen pendidikan dan modal insan merupakan perkara yang tidak boleh ditinggalkan dalam membentuk sesebuah negara yang bertamadun pada masa hadapan.

Justeru, pendigitalan dalam bidang pendidikan dapat mentransformasikan teknik pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih berkualiti. Selain itu, fasiliti dan infrastruktur yang berasaskan teknologi mampu menjadikan suasana pembelajaran lebih berkesan dan kondusif.

Malaysia telah memulakan langkah ke arah pendigitalan apabila Kementerian Pendidikan Malaysia berjaya meningkatkan akses internet dengan kelajuan 30 Mbps hingga 100 Mbps di 10,208 buah sekolah pada tahun 2019.

Lantaran itu, melalui Pelan Digital Pahang, pelbagai inisiatif-inisiatif dalam bidang pendidikan dirangka bagi mendukung aspirasi ke arah Negeri Digital. Pelbagai langkah pendigitalan dalam bidang pendidikan dan modal insan seperti pengurusan kewangan, pengurusan pelajar, pembelajaran secara maya dan lain-lain.

<b>PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN</b>		
<b>TAHAP 1</b>	<b>TAHAP 2</b>	<b>TAHAP 3</b>
<b>Pengurusan Kewangan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menguruskan hal-hal kewangan seperti yuran sekolah, gaji-gaji pekerja, geran kerajaan dan tuntutan bayaran secara digital.</li></ul>	<b>Pengurusan Kanak-kanak</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memantau, merekodkan dan membincangkan hal-hal berkaitan kanak-kanak dengan lebih efektif dan efisien.</li></ul>	<b>Pengurusan Sistem Latihan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mengautomasikan proses pengurusan latihan termasuk rekod-rekod latihan dan paparan menyeluruh perkembangan latihan.</li></ul>
<b>e-Pendaftaran</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan ibu-bapa untuk membuat pendaftaran anak-anak ke sekolah melalui aras talian.</li></ul>	<b>Bank Soalan Dan Penilaian Kendiri</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mencipta satu bank soalan yang mempunyai pelbagai soalan daripada pelbagai mata pelajaran dan penilaian kendiri kepada pelajar.</li></ul>	<b>Tenaga Pengajar AI</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mewujudkan sistem pembelajaran dengan bantuan kecerdasan buatan atau AI.</li></ul>
<b>Portal Laman Web Sekolah</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membina laman web sekolah yang mempunyai informasi yang akan dibekalkan kepada ibubapa termasuk perkembangan pembelajaran anak-anak dan lawatan virtual ke sekolah.</li></ul>	<b>Pensijilan Digital</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mengiktiraf sijil-sijil yang dikeluarkan secara digital.</li></ul>	

**Platform Pembelajaran Digital**

- Memberi peluang kepada pengguna untuk mencipta dan berkongsi informasi pembelajaran tanpa limitasi masa dan tempat.

**Komuniti Tanpa Tunai**

- Menyediakan platform tempahan makanan dan pembayaran secara tanpa tunai.





## PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Negeri Pahang merupakan salah satu negeri yang menyumbang kepada sektor pertanian negara. Selain itu, pertanian dan penternakan menjadi asas ekonomi masyarakat setempat sejak dulu lagi.

Namun, pada awal 2019, sektor pertanian direkodkan menyusut sebanyak 8.7%. Justeru, dengan kewujudan pendigitalan dalam sektor pertanian dan penternakan, masalah kemerosotan ini dapat diatasi. Pengadaptasian teknologi dalam sektor ini mampu meningkatkan kadar kecekapan di samping meningkatkan hasil sumber negeri.

Inisiatif pertanian dan penternakan digital adalah untuk mendorong perkembangan dan penerapan teknologi dalam pengurusan kedua-dua sektor tersebut dan seterusnya dapat menjamin produktiviti para petani dan para penternak sekaligus membangunkan sektor dengan lebih baik.

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN		
TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
<b>Sistem Pengairan Air Bersih Dan Air Baja</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membina aplikasi penjadualan yang membolehkan proses pembajaan dan pemantauan beroperasi secara automatik mengikut jadual yang ditetapkan.</li></ul>	<b>Tenaga Solar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memanfaatkan tenaga solar yang boleh menjimatkan kos.</li><li>Teknologi yang semakin berkembang membolehkan panel solar didapati dengan tawaran harga yang murah untuk operasi jangka panjang.</li></ul>	<b>Rumah Hijau Pintar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memantau dan mengawal suhu, kecerahan, kandungan tanah dan mineral, dan kelembapan secara digital.</li></ul>
<b>Pemeteran Dan Pembajaan Pintar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Pemantauan dan pengurusan lanjutan tanaman, pengairan dan tanah.</li></ul>	<b>Racun Dan Pemantauan Pokok Melalui Dron</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menggunakan teknologi dron untuk memantau dan meracun tanaman yang akan meningkatkan tahap kesihatan pokok.</li></ul>	<b>Penuaian Pintar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Manfaatkan penyelesaian pertanian pintar (<i>smart agriculture solution</i>) untuk meminimumkan sisa semasa penuaian, pengasingan, pembungkusan dan penghantaran di samping meningkatkan keselamatan makanan Malaysia.</li></ul>

### Penggunaan Sistem IoT

- Membina perisian yang mampu memantau rumah tanaman secara berkala dari aspek paras Co<sub>2</sub>, suhu, kandungan ammonia dan lain-lain, di samping membekalkan audit yang diperlukan untuk pengekalan sijil.

## PENTERNAKAN

TAHAP 1

TAHAP 2

TAHAP 3

#### **Pemantauan Ternakan Melalui RFID**

- Pemantauan ternakan melalui sistem teknologi digital yang maju dan terkehadapan.

#### **Penggunaan Ladang Ternakan Berasaskan IoT**

- Mampu mengatasi masalah ammonia, paras karbon dioksida, suhu dan sebarang faktor utama yang mempengaruhi kesihatan haiwan. Perisian ini akan melakukan pemantauan secara berkala dan membekalkan audit kebijakan haiwan yang diperlukan bagi mengekalkan pensijilan.

#### **Pengurusan Penternakan Berasaskan Rantaian Blok**

- Teknologi rantaian block (*blockchain*) membolehkan kebolehkesan maklumat dalam rantaian bekalan makanan dan dengan itu membantu meningkatkan keselamatan makanan. Ia menyediakan cara yang selamat untuk menyimpan dan mengurus data, yang memudahkan pembangunan dan penggunaan inovasi dipacu data untuk pertanian pintar dan insurans pertanian berasaskan indeks pintar.

#### **Aplikasi SMART Ladang/Ladang Pintar**

- Aplikasi pengurusan ladang ayam berdasarkan Cloud yang mudah digunakan.
- Merangkumi semua keperluan prestasi, kos dan perancangan.
- Kesemua data yang dapat diakses melalui satu tempat berpusat mendorong pemahaman serta prestasi kumpulan yang lebih baik.

#### **Sistem Analisis Dan Pengurusan Risiko Ladang**

- Membantu para pengeluar dalam mengenal pasti potensi risiko dan peluang hasil sekaligus menjimatkan kos.

### **Perisian SMART Ladang/Ladang Pintar**

- Perisian perancangan pengeluaran daging yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan atau AI bagi meningkatkan kecekapan hasil sekaligus mengurangkan sisa-sisa buangan.

## **PERKILANGAN**

Perkilangan atau lebih dikenali sebagai sektor pembuatan merupakan sektor yang signifikan dalam usaha mencapai strategi pelaburan dan produktiviti sekaligus merancakkan eksport negara. Sektor perkilangan Negeri Pahang merupakan penyumbang ketiga kepada kutipan hasil pendapatan negeri. Pada tahun 2019, sektor perkilangan dilihat terus berkembang sebanyak 4.7% dan sebanyak RM 12.8 billion keuntungan telah direkodkan.

Dalam menjamin pembangunan sektor ini, setiap kilang perlu mempunyai satu piawaian atau standard dalam menghasilkan produk dan barang. Pematuhan piawaian atau standard yang akan ditetapkan semestinya menjadi batu loncatan kepada organisasi dalam mempertingkatkan tahap kepuasan para pelanggan yang menggunakan produk keluaran mereka.

Namun, peredaran zaman yang terlalu pantas mungkin mewujudkan kekangan kepada sektor perkilangan dan pembuatan dalam mengadaptasi teknologi digital ke dalam urusan pemprosesan barang. Oleh itu, Pelan Digital Pahang dirangka bagi mengembangkan dan membangunkan elemen digital serta teknologi untuk diserap ke dalam sektor perkilangan di Negeri Pahang seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran ekonomi negeri.

## **PERKILANGAN**

### **TAHAP 1**

#### **Sistem Jaminan Kualiti**

- Mempertingkatkan jaminan kualiti melalui amalan merekod dan memantau parameter utama.
- Membantu para pekerja untuk mematuhi piawaian keselamatan makanan melalui penyediaan senarai semak digital dan prosedur keselamatan makanan.

### **TAHAP 2**

#### **e-Dagang**

- Membolehkan pelanggan melakukan pembelian atas talian.

### **TAHAP 3**

#### **Automasi Pengeluaran Melalui Robot Autonomi**

- Robot autonomi akan meringankan beban pekerja dengan operasi manual serta melancarkan lagi proses peralihan.

<b>Sistem Pengurusan Inventori</b>	<b>Sistem Keberkesanan Peralatan Keseluruhan Melalui IoT</b>	<b>Realiti Berperantara (AR) Untuk Latihan Dan Pemeriksaan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan maklumat masa nyata berkenaan tahap inventori dan tarikh tamat tempoh stok yang disimpan melalui variasi lokasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengawal selia dan mengukur penggunaan peralatan dengan pengaplikasian IoT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan alat teknologi AR untuk merangsang senario dunia sebenar dalam penciptaan persekitaran yang selamat dan terkawal.</li> </ul>
<b>Sistem Pengurusan Fleet</b>	<b>Sistem Pengurusan Tenaga Kerja</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau keadaan semasa pemandu dan memberikan amaran keselamatan apabila terdapat tanda-tanda keletihan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadualkan penempatan tenaga kerja, memudahkan urusan pensijilan dan set kemahiran.</li> </ul>	
<b>Sistem Pengurusan Jualan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjana dokumen komersial secara automatik seperti sebut harga dan invois di samping mengesan dan menganalisis profil pelanggan.</li> </ul>		




## PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN


Perniagaan dan keusahawanan digital adalah hasil daripada perubahan era globalisasi semasa. Transformasi ini lebih jelas dilihat apabila masyarakat lebih gemar menggunakan teknologi dalam melakukan pembelian atau transaksi pembayaran.


Perniagaan dan keusahawanan digital menawarkan beberapa konsep baharu yang merangkumi proses jualan dan pembelian dalam talian dan lebih banyak peluang perniagaan baharu bakal diwujudkan secara digital.

Pendigitalan sektor perniagaan dan keusahawanan memberikan peningkatan kepada daya pengeluaran pemilik tanpa perlu menanggung kos yang tinggi di samping dapat menjimatkan masa dan tenaga. Selain itu, digitalisasi dapat memudahkan pencapaian dan penyebaran maklumat sama ada melalui laman web, platform media sosial dan atas talian.



<b>Tempahan Atas Talian</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mengendalikan tempahan di atas talian secara terus dan mengoptimumkan kapasiti yang ada.</li></ul>	<b>Pengurusan Dapur</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menguruskan pesanan, inventori dan pengurusan sumber dari mula sehingga akhir.</li></ul>	<b>Robot Penyedia Makanan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Adaptasi IR 4.0 dalam membangunkan robot yang mampu menyediakan makanan.</li></ul>
<b>Sistem Pengurusan Giliran</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memastikan perkhidmatan pengurusan penggiliran pelanggan lebih teratur dan efisien.</li></ul>		





## PERUNCITAN

TAHAP 1

TAHAP 2

TAHAP 3

<b>Pembayaran Digital</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memperkasa kaedah pembayaran melalui konsep pendigitalan seperti penggunaan kad, pindahan bayaran melalui akaun, e-wallet dan pengimbasan kod QR.</li></ul>	<b>Pembayaran Layan Diri</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan pelanggan untuk melakukan pembayaran secara layan diri.</li></ul>	<b>Digital Kiosk</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menggunakan kiosk digital untuk memudahkan urusan sehari-hari seperti mendapatkan nasihat jualan mahupun menjalankan urusan pengambilan pesanan.</li></ul>
<b>Sistem POS (Point Of Sales)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menggabungkan hasil kutipan dari segi pengurusan stok, rekod pelanggan dan rekod perakaunan.</li></ul>	<b>Laman Web Produk</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Mewujudkan laman sesawang khusus untuk produk dan pembelian secara atas talian.</li></ul>	<b>Pasaran Secara Global</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan pelanggan-pelanggan dari luar negara untuk membeli barang menerusi capaian internet.</li></ul>
<b>Pasaran Digital</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Berupaya memudahkan pelanggan untuk membeli barang melalui atas talian.</li></ul>	<b>Pengesahan Produk</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan pelanggan mengesahkan identiti dan ketulenan produk melalui imbasan kod QR atau unik ID pada produk.</li></ul>	<b>Dron Penghantar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan pelanggan menerima pesanan dengan cepat menggunakan dron.</li></ul>
<b>Pengurusan Inventori</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Memantau serta mengawal selia stok keluar dan masuk melalui sistem.</li></ul>	<b>Iklan Digital Kolaboratif</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Membolehkan perniagaan dalam kategori yang sama untuk berkongsi iklan dalam satu portal yang sama.</li></ul>	

## PERNIAGAAN ATAS TALIAN

**TAHAP 1**

**TAHAP 2**

**TAHAP 3**

<b>Social e-Marketplace</b>	<b>Laman Web Produk</b>	<b>Platform Pengoptimuman Pemasaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempromosikan produk secara atas talian melalui <i>Live Streaming</i> di aplikasi-aplikasi yang membolehkan pelanggan melakukan pembelian secara terus.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencipta dan membina laman sesawang untuk menguruskan hal ehwal urus niaga seperti analisis data, pengurusan pesanan, cara pembayaran dan pengiklanan pasaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan satu medium yang memasarkan produk kepada semua jenis platform media sosial, laman web dan sebagainya untuk meningkatkan hasil pendapatan perniagaan.</li> </ul>
<b>Dropship Marketplace</b>	<b>Sistem Pengurusan Pengedar</b>	<b>Platform Analitik</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan perkhidmatan serba baharu untuk pembekal dan peruncit dalam satu platform dropship terbuka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina satu sistem untuk menguruskan proses pengedaran barang jualan antara stokis, ejen dan dropship.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencipta satu platform yang mampu menjalankan analisis dan memberi paparan trend mahupun corak sesebuah perniagaan.</li> </ul>
<b>Online Marketplace</b>	<b>Platform Pasaran Setempat</b>	<b>Sistem Bantuan Virtual</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memasarkan produk melalui laman media sosial sedia ada di internet.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Platform yang dilengkapi dengan pelbagai jenis perniagaan setempat dan memberi peluang kepada peniaga baharu untuk mempromosikan produk tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pembantu virtual di platform jualan yang mampu menerima arahan lisan daripada pengguna.</li> </ul>
<b>Social Media Platform</b>	<b>Sistem Langganan</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencipta suatu halaman dan merangka katalog perniagaan yang profesional di platform media sosial.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pilihan sistem langganan produk dan perkhidmatan.</li> </ul>	
<b>Sales Automation Platform</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertindak menguruskan perniagaan dengan menggunakan aplikasi Whatsapp.</li> </ul>		



## PEMANTAUAN DAN KAWAL SELIA

# BAB 7

## PEMANTAUAN DAN KAWAL SELIA

### PEMANTAUAN PELAN DIGITAL PAHANG

Pelan Digital Pahang ini menjadi satu bukti bahawa Kerajaan Negeri melihat proses digitalisasi di Negeri Pahang sebagai satu perkara penting bagi mendepani tahun-tahun yang akan mendatang. Pelan ini akan dipantau pelaksanaan dan disemak pencapaian setiap tahun agar sentiasa berada pada landasan yang ditetapkan. Sekiranya berlaku sebarang perubahan yang perlu dipinda mengikut keperluan semasa, ianya akan dilaksanakan dengan kadar segera supaya tidak menjelaskan proses digitalisasi yang telah direncanakan.

Terdapat 48 inisiatif digital yang dirancang dan akan dipantau dalam tempoh 3 fasa pelaksanaan seperti ringkasan berikut:

INFRASTRUKTUR DIGITAL					
INISIATIF	FASA 1	→	FASA 2	→	FASA 3
Memperluas liputan 4G melalui projek pembinaan menara telekomunikasi yang baharu.	90 buah menara baharu dengan liputan 4G dibina sehingga hujung tahun 2022.		180 buah menara baharu dengan liputan 4G dibina sehingga hujung tahun 2022.		270 buah menara baharu dengan liputan 4G dibina sehingga hujung tahun 2022.
Menaiktaraf stesen pangkalan 2G/3G kepada rangkaian 4G.	298 buah pemanclar akan dinaiktaraf di seluruh Negeri Pahang.		596 buah pemanclar akan dinaiktaraf di seluruh Negeri Pahang.		893 buah pemanclar akan dinaiktaraf di seluruh Negeri Pahang.
Memperbaharui kualiti rangkaian jalur lebar tetap kepada kualiti gentian optik.	Capaian rangkaian gentian optik yang berkeupayaan Gigabit mencapai 83% di seluruh Pahang.		Capaian rangkaian gentian optik yang berkeupayaan Gigabit mencapai 95% di seluruh Pahang.		Capaian rangkaian gentian optik yang berkeupayaan Gigabit mencapai 100% di seluruh Pahang.
Mewujudkan akses jalur lebar tanpa wayar menerusi pengimplementasian teknologi satelit di perkampungan Orang Asli.	Komuniti Orang Asli di 30 buah perkampungan menikmati kemudahan akses jalur lebar sebelum suku kedua 2022.		Komuniti Orang Asli di 50 buah perkampungan menikmati kemudahan akses jalur lebar sebelum suku kedua 2022.		Komuniti Orang Asli di 69 buah perkampungan menikmati kemudahan akses jalur lebar sebelum suku kedua 2022.

Memacu pelaksanaan projek rintis dan membangunkan rangkaian 5G dengan pesat.		Projek Perintis Rangkaian 5G akan dilaksanakan di pusat bandar Kuantan.	Projek Perintis Rangkaian 5G akan dilaksanakan di pusat bandar Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands.
Memanfaatkan infrastruktur akses terbuka bagi capaian internet jalur lebar yang lebih pantas di kawasan pedalaman.	Infrastruktur akses terbuka di Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands.	Infrastruktur akses terbuka di Bera, Kuala Lipis dan Bentong.	Infrastruktur akses terbuka di Seluruh Negeri Pahang.
Menyediakan langganan perkhidmatan jalur lebar satelit (VSAT) bagi menaik taraf kualiti internet.		Kemudahan akses jalur lebar tanpa wayar menggunakan teknologi satelit mencapai kelajuan purata sehingga 30 Mbps.	Kemudahan akses jalur lebar tanpa wayar menggunakan teknologi satelit mencapai kelajuan purata sehingga 35 Mbps.
Infrastruktur utiliti guna sama yang menjimatkan.		Pematuhan garis panduan utiliti guna sama secara menyeluruh di Bera, Kuantan, Pekan dan Temerloh.	Pematuhan garis panduan utiliti guna sama secara menyeluruh di Negeri Pahang.
Pengklasifikasi komunikasi sebagai utiliti asas ketiga.		Penguatkuasaan Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPPi) menyeluruh di Negeri Pahang.	
Pembangunan sistem maklumat geospatial (GIS) berpusat Negeri Pahang.		Perkongsian data GIS dan guna sama antara 3 Agensi Kerajaan/Syarikat Berkaitan Kerajaan.	Perkongsian data GIS dan guna sama antara 5 Agensi Kerajaan/Syarikat Berkaitan Kerajaan.
Pembinaan Pusat Data Pantai Timur sebagai peneraju hab data.	20% penggunaan storan awan Pusat Data Pantai Timur digunakan oleh Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.	40% penggunaan storan awan Pusat Data Pantai Timur digunakan oleh Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.	60% penggunaan storan awan Pusat Data Pantai Timur digunakan oleh Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.

KERAJAAN DIGITAL			
INISIATIF	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Memperkasa sistem perolehan digital Negeri Pahang untuk kegunaan PBT dan Badan-badan Kerajaan.	Meningkatkan kecekapan proses perolehan dan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan hasil pendapatan di Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands.	Menambah baik kecekapan proses perolehan dan kualiti perkhidmatan lantas menjana hasil pendapatan yang lebih banyak di seluruh Negeri Pahang.	
Memperkenalkan PahangCert untuk mentransformasikan urusan lesen, permit dan sijil.	Memudahkan proses dokumentasi dan proses pengesahan di peringkat penguatkuasaan (Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands).	Memudahkan proses dokumentasi dan proses pengesahan di peringkat penguatkuasaan (Bentong, Bera dan Kuala Lipis).	Memudahkan proses dokumentasi dan proses pengesahan di peringkat penguatkuasaan (Seluruh Negeri Pahang).
Mewujudkan sistem bidaan digital untuk kegunaan semua Agensi Kerajaan Negeri Pahang.	Meminimumkan tempoh masa bidaan, menjana proses yang lebih cekap seterusnya mengoptimumkan hasil Kerajaan Negeri.	Integrasi dengan sistem hasil Kerajaan Negeri.	
Mewujudkan sistem semakan tunggakan bayaran perkhidmatan Kerajaan berpusat.	Menjana kutipan hasil kerajaan meliputi Agensi-agensi Kerajaan Negeri Pahang.	Dikembangkan merangkumi PBT dan GLC Pahang.	
Platform pembayaran parkir secara digital sebagai alternatif.	500,000 pengguna menggunakan aplikasi PahangGo untuk membuat pembayaran parkir secara digital.	700,000 pengguna menggunakan aplikasi PahangGo untuk membuat pembayaran parkir secara digital.	800,000 pengguna menggunakan aplikasi PahangGo untuk membuat pembayaran parkir secara digital.

INISIATIF	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Pelaksanaan Sistem e-Pelaburan.	Pembangunan sistem, pengurusan data (migrasi data sedia ada), penyediaan infrastruktur, integrasi dengan e-Tanah.	Integrasi dengan sistem pelaburan GLC Pahang dan lain-lain agensi kerajaan terlibat.	Integrasi dengan sistem pelaburan Agensi Kerajaan Persekutuan.
Pengaplikasian Sistem Pengurusan Prestasi (MyPrestasi) Negeri Pahang terhadap Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.	Memantau dan mengenal pasti prestasi Agensi /Jabatan Kerajaan di Negeri Pahang bagi meningkatkan kualiti tadbir urus dengan lebih berkesan.	Memantau dan mengenal pasti prestasi 30 Agensi / Jabatan Kerajaan di Negeri Pahang bagi meningkatkan kualiti tadbir urus dengan lebih berkesan.	Memantau dan mengenal pasti prestasi semua Agensi /Jabatan Kerajaan di Negeri Pahang (62 agensi / jabatan) bagi meningkatkan kualiti tadbir urus dengan lebih berkesan.
Melaksanakan Sistem Pengurusan Kakitangan dan Pelawat di Kompleks Kerajaan.	Mengurangkan berlakunya risiko dan bahaya terhadap keselamatan dan kesihatan kakitangan dan pelawat supaya operasi perkhidmatan kepada rakyat tidak terganggu.	Dikembangkan merangkumi Pejabat PBT dan GLC Pahang.	
Mempromosikan Perkhidmatan Dron secara Berpusat untuk agensi Kerajaan/GLC.	Memperkasa penggunaan teknologi dron untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk dalam pelbagai sektor bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang.		
Mengawal selia kenderaan rasmi kerajaan dan GLC secara dinamik serta meningkatkan kecekapan penggunaan.		Mendigitalkan proses-proses pengurusan dan pemantauan kenderaan dengan lebih dinamik dan efisien di Kuantan, Pekan dan Bera.	Mendigitalkan proses-proses pengurusan dan pemantauan kenderaan dengan lebih dinamik dan efisien di seluruh Negeri Pahang.

Mewujudkan posisi Ketua Pegawai Digital (CDO) bagi melancarkan proses pendigitalan sejagat.	Meningkatkan tahap kebertanggungjawaban dan penyelerasan pendigitalan di peringkat Jabatan dan Agensi Kerajaan.		
Menambah baik kemahiran digital penjawat awam demi memacu Pentadbiran digital yang komprehensif.	Mengurangkan kebergantungan kepada pembekal atau pakar luar dalam menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan.		
Mengasaskan Pahang Digital Council (Majlis Digital Negeri Pahang) demi memacu pertumbuhan digital yang lebih strategik.	Pelaksanaan Pelan Digital yang lebih tersusun dan fleksibel selari dengan teknologi terkini di samping merancang, meneliti dan memenuhi keperluan digital.		
Mengabungkan Sistem e-Rakyat dengan Sistem e-Bantuan, e-Banjir.	Maklumat rakyat Negeri Pahang yang layak untuk mendapat bantuan akan disatukan di dalam sistem Bantuan Rakyat (e-rakyat).	Integrasi dengan sistem bantuan milik Kerajaan Persekutuan.	Pembangunan aplikasi mobil bantuan / integrasi bersama aplikasi PahangGo.
Menyokong perlaksanaan bandar pintar sebagai teras pembangunan digital.			Penyelaras dan pemantauan perojek-projek dan teknologi hijau di peringkat kerajaan.
Mendigitalkan Pengurusan Tanah Negeri Pahang (e-Tanah) secara holistik.	Peningkatan kualiti perkhidmatan di kaunter dan Pejabat Pengurusan Tanah dan Galian.	Integrasi dengan sistem e-pelaburan Pahang.	

INISIATIF	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Mendigitalkan Pengurusan Mineral Negeri Pahang.	Mengelakkan ketirisan hasil kerajaan dan melicinkan proses pengeluaran mineral.		
Mewujudkan sistem hasil dan perakaunan berpusat untuk Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT).		Memantau dan menyelaraskan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Kuantan, Bera & Pekan.	Memantau dan menyelaraskan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Pahang.
Mencipta inovasi baharu dengan memperkenalkan identiti digital khas Negeri Pahang (PahangID).		Menaik taraf perkhidmatan kerajaan sama ada melalui kaunter atau secara atas talian di Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands serta membantu Kerajaan Negeri untuk memahami profil rakyat Negeri Pahang.	Menaik taraf perkhidmatan kerajaan sama ada melalui kaunter atau secara atas talian di seluruh Negeri Pahang serta membantu Kerajaan Negeri untuk memahami profil rakyat negeri ini.
Mewujudkan Akademi sukan e-Sport.	Melahirkan 10,000 belia yang mahir dan mampu bertanding dalam sukan <i>e-Sport</i> di peringkat antarabangsa.	Malahirkan 15,000 belia yang mahir dan mampu bertanding dalam sukan <i>e-Sport</i> di peringkat antarabangsa.	Malahirkan 20,000 belia yang mahir dan mampu bertanding dalam sukan <i>e-Sport</i> di peringkat antarabangsa.
Memperkemaskinserta menambah baik GOS gateway Pahang melalui aplikasi dan Portal PahangGo.	Membudayakan komuniti tanpa tunai dalam kalangan rakyat Negeri Pahang.		
Menambah baik persekitaran perkongsian data melalui API.	20% Jabatan/Agensi Kerajaan mengambil kira penyediaan API.	50% Jabatan/Agensi Kerajaan mengambil kira penyediaan API.	80% Jabatan/Agensi Kerajaan mengambil kira penyediaan API.

Menyelaraskan dan memacu pembangunan Pahang Integrated Command Centre (PICC) sebagai pusat pemantauan digital.	Memastikan 40% data hak milik semua Agensi Kerajaan, GLC dan PBT dipusatkan ke dalam PICC.	Memastikan 60% data hak milik semua Agensi Kerajaan, GLC dan PBT dipusatkan ke dalam PICC.	Memastikan 100% data hak milik semua Agensi Kerajaan, GLC dan PBT dipusatkan ke dalam PICC.
Membangunkan war room untuk pemantauan hutan.	Memastikan 100% hutan milik Kerajaan Negeri di Temerloh, Kuantan dan Cameron Highlands terpelihara daripada aktiviti penerokaan hutan secara haram sekaligus memantau perkembangan hutan-hutan.	Memastikan 100% hutan milik Kerajaan Negeri di Bera, Rompin dan Pekan terpelihara daripada aktiviti penerokaan hutan secara haram sekaligus memantau perkembangan hutan-hutan.	Memastikan 100% hutan milik Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pahang terpelihara daripada aktiviti penerokaan hutan secara haram sekaligus memantau perkembangan hutan-hutan.

INKLUSIF DIGITAL			
INISIATIF	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Memperkenalkan aplikasi PahangGo secara terus menerusi projek Road Tour Digital.	Mengadakan <i>Road Tour</i> Digital Di Bandar Kuantan.	Mengadakan <i>Road Tour</i> Digital Di Daerah Bera, Lipis, Pekan.	Mengadakan <i>Road Tour</i> Digital Di Seluruh Daerah Negeri Pahang.
Membangunkan e-Risalah Pahang Digital sebagai wadah penyampaian maklumat	Membangunkan e-Risalah Pahang Digital Fasa 1.	Membangunkan e-Risalah Pahang Digital Fasa 2.	Membangunkan e-Risalah Pahang Digital Fasa 3.
Memangkin ketersediaan dan kefahaman rakyat melalui penganjuran Pahang Digital Summit.	Menganjurkan Pahang Digital Summit di Bandar Kuantan.	Menganjurkan Pahang Digital Summit di Daerah Bera, Lipis, Pekan.	Manganjurkan Pahang Digital Summit di Seluruh Daerah Negeri Pahang.
Persidangan Kerajaan Digital ke arah Keberkesanan Pahang Digital.		Melibatkan 25 penyedia solusi dan perkhidmatan dan 5 pembentangan kertas kerja daripada pakar pendigitalan kerajaan.	Melibatkan 30 penyedia solusi dan perkhidmatan dan 7 pembentangan kertas kerja daripada pakar pendigitalan kerajaan.
Penglibatan generasi muda dalam program bakat digital.	Menganjurkan Program Bakat Digital Di Bandar Kuantan.	Menganjurkan Program Bakat Digital Di Bera, Lipis, Pekan.	Manganjurkan Program Bakat Digital di seluruh Negeri Pahang.
Membangunkan komuniti WiFi setempat untuk meluaskan jalur lebar.	Membangunkan Komuniti WiFi setempat Di Bandar Kuantan.	Membangunkan Komuniti WiFi setempat Di Daerah Bera, Lipis, Pekan.	Membangunkan Komuniti WiFi setempat Di Seluruh Daerah Negeri Pahang.

Keprihatinan komuniti digital menerusi program Sumbangan Kasih Digital.	1,000 penerima sumbangan tahunan terdiri daripada golongan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.	1,500 penerima sumbangan tahunan terdiri daripada golongan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.	2,000 penerima sumbangan tahunan terdiri daripada golongan B40, anak yatim dan keluarga asnaf mendapat manfaat.
Mewujudkan usaha sama dalam menjayakan pakej digital kumpulan B40.	10,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat komunikasi (Celcom, Digi dan Maxis).	15,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat komunikasi (Celcom, Digi dan Maxis).	20,000 pengguna pakej khas daripada 3 syarikat komunikasi (Celcom, Digi dan Maxis).
Memperkasa surau/masjid sebagai Institusi Digital Ummah (myKariah).	Mewujudkan Surau/ Masjid Digital (myKariah) Di Bandar Kuantan.	Mewujudkan Surau/ Masjid Digital (myKariah)Di Daerah Bera, Lipis, Pekan.	Mewujudkan Surau/ Masjid Digital (myKariah) Di Seluruh Daerah Negeri Pahang.
Menjayakan Program Keselamatan Siber dan Etika Media Sosial dalam kalangan komuniti.	Memperkasakan Program Keselamatan Siber dan Etika Media Sosial Di Bandar Kuantan.	Memperkasakan Program Etika Media Sosial Di Daerah Bera, Lipis, Pekan.	Memperkasakan Program Etika Media Sosial Di Seluruh Daerah Negeri Pahang.
Semarak budaya digital menerusi pengajuran Anugerah Digital Pahang.	Program tahunan melibatkan 20 kategori anugerah dengan penglibatan 1,000 pencalonan penerima anugerah.	Program tahunan melibatkan 20 kategori anugerah dengan penglibatan 1,500 pencalonan penerima anugerah.	Program tahunan melibatkan 20 kategori anugerah dengan penglibatan 2,000 pencalonan penerima anugerah.
Membina dan memperkasa pusat perkembangan usahawan digital yang bersepadu.	Mewujudkan satu pusat utama di Kuantan diikuti dengan 3 cawangan daerah yang melibatkan insentif daripada 5 Agensi Kerajaan.	Penambahan cawangan di daerah-daerah seluruh Pahang.	
Menggalakkan Peluang Digitalisasi melalui Gig Ekonomi dan Solusi Digital.	Mewujudkan 1,000 usahawan dan pekerja dalam industri ekonomi gig.	Mewujudkan 2,000 usahawan dan pekerja dalam industri ekonomi gig.	Mewujudkan 3,000 usahawan dan pekerja dalam industri ekonomi gig.

# **STRUKTUR TADBIR URUS**

**Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipengerusikan oleh  
YAB Menteri Besar Pahang**

## **MAJLIS DIGITAL PAHANG**

**PENGERUSI :  
PENGERUSI JAWATANKUASA SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI,  
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI PAHANG**

**URUS SETIA :  
UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

**AHLI UTAMA (PENERAJU) :  
Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Tanah Galian, Jabatan Perhutanan Negeri  
Pahang, SKMM, Tourism Pahang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian  
Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kerajaan Tempatan, Bahagian  
Teknologi Maklumat, Unit Korporat, UKOMP, BPEN, Pahang Skills, Pahang Go,  
Koridor Utiliti Pahang, Pahang Corp dan Pahang Mining Corporation**

## **KAEDAH LAPORAN TAHUNAN :**

Mesyuarat pembentangan laporan perlu dibentangkan  
sebanyak dua kali setahun.

Semua peneraju perlu membentangkan secara terperinci  
mengikut pelan digital yang telah ditetapkan.

Penyelarasian pelan digital akan dibuat  
berdasarkan hasil laporan mesyuarat.

Struktur tadbir urus yang khusus telah diwujudkan untuk memacu penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan Pelan Digital Pahang. Ia merangkumi tiga komponen utama :

### MAJLIS MESUARAT KERAJAAN

- Meluluskan sebarang strategi atau inisiatif digital yang memerlukan dasar dan warta kerajaan baharu.
- Meluluskan pindaan dalam undang- undang kecil, enakmen atau perintah sekiranya perlu
- Meluluskan peruntukan kewangan yang diperlukan khususnya bagi pelaksanaan strategi dan inisiatif yang melibatkan Kerajaan Negeri seperti Kerajaan Digital dan Inklusif Digital

### MAJLIS DIGITAL NEGERI PAHANG

- Menetapkan mekanisme pemantauan dan penilaian secara telus dan jelas
- Menyokong strategi dan inisiatif digital yang direncanakan oleh peneraju.
- Menyediakan dan menghantar laporan kepada Majlis Mesuarat Kerajaan secara berkala.
- Mengukur dan menilai tahap keberhasilan Pelan Digital Pahang
- Melakukan pindaan atau penyelaras terhadap Pelan Digital Pahang
- Menjana kesinambungan kerjasama antara rakyat, sektor swasta, sektor awam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

### AHLI UTAMA (PENERAJU)

- Merangka dan merancang strategi mahupun inisiatif yang meliputi keberkesanan praktikaliti, keperluan semasa serta menjana unjuran kewangan.
- Menentukan pelaksana bagi setiap strategi dan inisiatif dengan mengambil kira pengoptimuman kepakaran dan status quo kewangan
- Memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif secara berterusan dan mengawal selia pengurusan mikro.
- Menyediakan status laporan dan mengemas kini perkembangan kepada Majlis Mesuarat Kerajaan (MMK).



## PENUTUP



## WAWASAN YANG OPTIMIS SERTA PELAKSANAAN YANG PROAKTIF YANG MEMACU KEMAJUAN EKOSISTEM DIGITAL NEGERI PAHANG

### PELAN DIGITAL PAHANG 2021-2025

Pelan Digital Pahang ini melambangkan aspirasi dan keazaman Kerajaan Negeri dalam memacu pelaksanaan digital seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Kesemua intipati yang terdapat dalam rangka tindakan ini menekankan elemen strategi dan inisiatif yang membolehkan Negeri Pahang untuk menjadi peneraju dan pemacu ekonomi digital lantas memperkasa pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

### ABSTRAK RANGKA TINDAKAN

Pelaksanaan Pelan Digital Pahang memberi fokus kepada nilai kesejahteraan yang akan memanfaatkan semua lapisan masyarakat. Keberhasilan inisiatif ini sangat bergantung kepada kesepadan dan kerjasama antara rakyat, industri dan kerajaan. Strategi yang direncana adalah berpandukan kepada tiga teras utama yang merangkumi struktur tadbir urus dan pelaksanaan rangka kerja yang jelas. Pelan ini diwujudkan bagi melicinkan proses pentadbiran bagi mencapai kemajuan digital di Negeri Pahang.

### KEBERSAMAAN DALAM MEMACU ASPIRASI PAHANG DIGITAL

Masyarakat, industri dan kerajaan adalah saling melengkapi. Pandangan, buah fikiran dan tindakan daripada pelbagai pihak amat diperlukan dalam menentukan impak pendigitalan serta kesan teknologi disruptif di negeri ini. Penyertaan aktif dan kerjasama yang utuh melonjakkan lagi potensi Pahang Digital sekaligus memacu perubahan dan inovasi melalui konsep teknologi dan pendigitalan.

Pandemik Covid-19 telah membawa gelombang baharu ke dalam urusan kehidupan manusia khususnya di dalam Malaysia. Perubahan yang paling signifikan adalah berlaku desakan digitalisasi yang membawa perubahan landskap ekonomi, pengurusan organisasi, pendidikan, pentadbiran kerajaan dan sebagainya.

## **MASYARAKAT DIGITAL PEMANGKIN KEMAJUAN NEGARA**

- Masyarakat perlulah diberi galakkan untuk mengaplikasikan sistem berasaskan digital dalam urusan kehidupan seperti urusniaga, pembayaran bil utiliti, urusan berkaitan kerajaan dan sebagainya.
- Masyarakat juga perlu memainkan peranan yang lebih dominan dalam menjayakan Pelan Pahang Digital ini.
- Masyarakat tidak boleh terpencil daripada menerima perubahan dan bergerak seiringan membantu kerajaan meningkatkan tahap penggunaan digital dalam kehidupan sehari-hari.
- Masyarakat hendaklah menyambut seruan digitalisasi dalam urusan kehidupan supaya tidak ketinggalan dengan arus pemodenan.

## **PERNIAGAAN DIGITAL PENCETUS KESTABILAN EKONOMI**

- Peningkatan infrastruktur digital seperti capaian internet yang stabil, kiosk, perkakasan dan aplikasi hendaklah disediakan dalam setiap urusniaga bagi sektor perbankan, pembayaran perkhidmatan, kutipan hasil, pembayaran dan sebagainya.
- Kaedah urusniaga secara digital hendaklah dipromosikan secara berfokus mengikut umur, lokaliti, jantina dan lain-lain.
- Agensi swasta dan penyedia perkhidmatan perlu mempunyai kaedah untuk mempromosikan perkhidmatan dan aplikasi yang disediakan.
- Perniagaan tempatan akan merentasi sempadan global melalui digitalisasi.
- Pemasaran Digital akan memainkan peranan dalam mempromosikan produk melalui K-Economy dan e-Commerce sekaligus menjadikan urusan lebih mudah, selamat dan mampan.

## **KERAJAAN DIGITAL PEMACU KESEJAHTERAAN PENTADBIRAN**

- Sistem penyampaian Kerajaan (*Government Service Delivery*) dapat ditambah baik melalui kaedah pendigitalan.
- Inisiatif kerajaan melalui pengaplikasian e-Government bakal memberi manfaat besar kepada ramai pihak termasuklah sektor swasta dan pelabur-pelabur asing.
- Kerajaan berperanan mengenal pasti arus perubahan teknologi semasa dan sentiasa memperbaharui sistem sedia ada.
- Pemantauan yang dilakukan oleh Ketua Jabatan adalah amat penting bagi melicinkan tadbir urus seterusnya menjamin keberhasilan pelaksanaan Pelan Digital Pahang.
- Bajet serta dana yang dilaburkan kepada sektor pendigitalan untuk meningkatkan infrastruktur digital di sektor kerajaan haruslah mencukupi demi kelangsungan pelaksanaan Pelan Digital Pahang.
- Kerajaan Negeri akan meneruskan misi memperkasa teknologi digital dalam perkhidmatan kerajaan seterusnya berusaha meningkatkan kepercayaan pengguna dan kepuasan hati pelanggan.
- Pelan Digital Pahang mampu mendidik dan membudayakan integriti yang tinggi dalam kalangan penjawat awam Negeri Pahang.

## HARAPAN PELAN DIGITAL PAHANG

Semoga Pelan Digital Pahang yang dirangka ini akan dapat menerajui pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan mencapai matlamat menjadikan Pahang negeri mampan digital. Kerjasama semua pihak sangatlah diharapkan bagi mencapai tiga keberhasilan utama yang dirancang iaitu mewujudkan ekosistem digital, menggalakkan gaya hidup digital dalam kalangan rakyat serta menyediakan Negeri Pahang sebagai *Digital-Ready* khususnya buat pelabur-pelabur luar.

Diharapkan 10 strategi yang dirangka merangkumi 48 inisiatif digital dah 85 solusi digital akan dapat dilaksanakan dalam 5 tahun tempoh pelaksanaan dengan tidak mengabaikan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan.



